

PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI | 1

- 1-1 ● Perspektif Keseluruhan
- 1-1 ● Penilaian Prestasi – 2015
- 1-2 ● Status Terkini Bajet 2015
- 1-14 ● Pengurusan Ekonomi – 2016
- 1-19 ● Prospek 2016

Perspektif Keseluruhan

Pengurusan makroekonomi Malaysia pada tahun 2015 menumpukan kepada pengukuhan daya tahan ekonomi, pengurusan impak ketidakpastian luaran dan menjamin kesejahteraan rakyat. Sepanjang tahun ini, terdapat beberapa cabaran dalam ekonomi global. Ketidakpastian dalam pelaksanaan normalisasi dasar monetari di Amerika Syarikat (AS), kelembapan yang lebih cepat daripada jangkaan di beberapa ekonomi pesat berkembang, penurunan mendadak dan berpanjangan harga komoditi, serta peningkatan ketidakstabilan pasaran kewangan adalah risiko utama dalam jangka masa terdekat. Memandangkan keterbukaan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia, negara sangat dipengaruhi oleh perkembangan global. Berikutan ketidakpastian yang semakin meningkat, pada 20 Januari dan 14 September 2015, Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif proaktif untuk memastikan ekonomi berada pada landasan pertumbuhannya. Inisiatif ini adalah bukti komitmen Kerajaan mendahulukan kepentingan rakyat seperti yang diumumkan dalam bajet yang bertemakan “Bajet 2015: Ekonomi Keperluan Rakyat”. Berbeza dengan ekonomi modal yang menekankan projek pelaburan awam dan swasta berskala besar, ekonomi keperluan rakyat menumpu kepada penerima gaji, perniagaan kecil, sektor tidak formal dan rakyat. Ekonomi keperluan rakyat adalah sebahagian daripada Dasar Transformasi Negara (NTP) yang menggabungkan beberapa program transformasi yang inovatif untuk membawa perubahan struktur dan memperkukuh fundamental makroekonomi menuju wawasan negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Inisiatif transformasi dan langkah pre-emptif Kerajaan telah berjaya mengurangkan sebahagian kesan permintaan luaran yang lemah ke atas ekonomi domestik dan membolehkannya mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.3% pada separuh pertama (H1) tahun 2015. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai program NTP telah mengukuhkan kewangan awam dan membangunkan struktur ekonomi yang lebih pelbagai dengan menjadikan permintaan domestik sebagai pemacu utama pertumbuhan. Pembaharuan fiskal termasuk rasionalisasi subsidi dan perbelanjaan, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan inisiatif peningkatan hasil yang lain, telah memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan. Ini telah memberi Kerajaan lebih fleksibiliti untuk bertindak balas dan mengurus cabaran dengan berkesan serta menyediakan ruang fiskal bagi melaksanakan inisiatif baharu untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Dari sudut struktur ekonomi, walaupun sektor perlombongan dan komoditi memainkan peranan penting, kini sumbangan sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan melebihi dua pertiga kepada ekonomi. Sebagai penunjuk utama kepada peranan penting sektor swasta dalam ekonomi, sumbangan pembentukan modal tetap kasar (GFCF) swasta sekali lagi telah mengatasi peranan sektor awam sejak pengenalan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada tahun 2010. Pada masa yang sama, produk dan pasaran eksport menjadi lebih pelbagai. Sementara itu, sistem kewangan

dan perbankan yang kukuh terus menyediakan pembiayaan yang cekap dan mencukupi bagi menampung aktiviti ekonomi domestik. Inflasi kekal di paras yang terkawal dan situasi pasaran buruh terus berada pada tahap lebih baik. Secara keseluruhan, fundamental makroekonomi Malaysia yang mantap telah meletakkan negara kekal pada landasan pertumbuhan yang kukuh.

Dengan ketidakpastian dan ketidakpastian persekitaran ekonomi luaran, Bajet 2016 akan terus menekankan ekonomi keperluan rakyat dengan mengukuhkan daya tahan ekonomi negara, ke arah mencapai kemakmuran negara dan peningkatan kesejahteraan rakyat. Selain itu, Bajet 2016 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), akan memberi penekanan kepada nilai inovasi, terutamanya pelaksanaan program dan projek dengan pantas, kos rendah dan berimpak tinggi. Pelbagai inisiatif Bajet 2016 disokong dengan fundamental ekonomi yang mantap akan membantu negara untuk mengharungi cabaran luaran sekaligus membolehkan ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2016.

Penilaian Prestasi – 2015

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.3% pada H1 2015, dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Perbelanjaan sektor swasta menyumbang 5.3 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi. Pelaburan swasta kekal teguh berkembang 7.5% dan penggunaan swasta 7.6%. Dari segi penawaran, pertumbuhan didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan menyumbang tiga mata peratusan dan sektor pembuatan 1.1 mata peratusan.

Dalam sektor luaran, Malaysia terus menerima kesan daripada pertumbuhan global dan perdagangan serantau yang lebih perlahan. Oleh itu, prestasi perdagangan kekal rendah dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, dengan eksport menguncup 1.4% dan import 2% (Januari – Ogos 2014: 9.5%; 6.1%). Walaupun terjejas dengan harga komoditi yang lemah, permintaan luar kukuh untuk produk elektrik dan elektronik (E&E) menghasilkan eksport barangan perkilangan mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh tersebut. Akaun semasa mencatatkan lebihan sebanyak RM17.6 bilion atau 3.2% daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI) pada H1 tahun ini (H1 2014: RM34.5 bilion; 6.6%).

Dengan fundamental ekonomi kukuh, termasuk permintaan domestik yang berdaya tahan, sumber pertumbuhan yang pelbagai, kadar pengangguran dan inflasi yang rendah ditambah pula dengan dasar fiskal yang mesra pertumbuhan dan kewangan yang akomodatif, KDNK benar dijangka berkembang antara 4.5% – 5.5% pada tahun 2015 (2014: 6%). GNI nominal diunjur meningkat 5.5% kepada RM1.13 trilion dengan pendapatan per kapita naik 4.2% kepada RM36,397 (2014: 8.6%; RM1.07 trilion; 7.2%; RM34,945).

Operasi Fiskal

Dasar fiskal digubal untuk mengekalkan momentum pertumbuhan, meningkatkan daya saing negara dan memastikan kesejahteraan rakyat, di samping Kerajaan kekal komited untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. Dalam hal ini, Kerajaan akan meneruskan usaha konsolidasi fiskal melalui inisiatif pembaharuan struktur yang konsisten. Inisiatif pembaharuan ini termasuk penambahbaikan tadbir urus dasar fiskal melalui penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC), rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan GST. FPC terus meneliti pelbagai isu dan membuat keputusan strategik dalam memastikan kemapanan fiskal. Sehubungan itu, FPC telah meluluskan Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) sebagai mekanisme untuk menggubal strategi fiskal dan menentukan had perbelanjaan indikatif untuk beberapa tahun bagi tempoh jangka sederhana. Dari aspek rasionalisasi subsidi, mekanisme pengapungan terkawal harga runcit petrol RON95 dan diesel yang diperkenalkan mulai bulan Disember 2014, membolehkan pelaksanaan mekanisme pemberian subsidi yang lebih bersasar. GST yang merupakan pembaharuan utama dalam sistem percukaian telah diperkenalkan pada bulan April 2015 bagi mempelbagaikan sumber hasil, memperluas asas cukai dan meningkatkan kecekapan sistem percukaian.

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 dijangka meningkat secara marginal 0.8% kepada RM222.5 bilion, dalam keadaan pungutan hasil berkaitan petroleum yang lebih rendah. Begitu juga, jumlah perbelanjaan dianggar meningkat sederhana 0.6% kepada RM260.7 bilion yang menyebabkan defisit bajet 3.2% daripada KDNK (2014: 3.4%). Jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 pula dijangka berjumlah RM96.5 bilion.

Perkembangan Kewangan dan Monetari

Dasar monetari memberi tumpuan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia berikutan peningkatan ketidaktentuan pasaran kewangan global. Kadar inflasi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014 ekoran daripada penurunan harga minyak. Kadar Dasar Semalaman (OPR), sejak bulan Julai 2014 kekal pada 3.25% masih akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, mata wang serantau termasuk ringgit menyusut selaras dengan pengukuhan dolar AS di samping penambahbaikan aktiviti ekonomi dan jangkaan kenaikan kadar faedah. Ini menyebabkan pengaliran keluar portfolio yang ketara daripada pasaran kewangan pesat berkembang dan serantau. Faktor lain yang mempengaruhi kejatuhan ringgit termasuk penurunan harga komoditi global, kejatuhan nilai yuan, lebihan dagangan yang mengecil dan faktor domestik.

Walaupun terdapat peningkatan ketidakstabilan pasaran kewangan global, sistem kewangan tempatan kekal berdaya tahan dan terus membekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti sektor ekonomi benar. Sistem perbankan kekal mempunyai pemodalan kukuh dengan nisbah modal utama yang ditetapkan melebihi keperluan tahap minimum pengawalseliaan.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2015, Malaysia menguasai 54.9% daripada pasaran sukuk global. Penerbitan keempat sukuk berdaulat global dalam denominasi USD berjumlah USD1.5 bilion pada bulan April 2015, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global. Kepakaran Malaysia yang diiktiraf dalam pasaran sukuk menawarkan peluang kepada peserta pasaran kewangan tempatan dan firma perkhidmatan profesional untuk mengembangkan dan meningkatkan kapasiti mereka di peringkat global, terutamanya dalam menyediakan khidmat nasihat kewangan Islam. Dengan memanfaatkan peranannya sebagai penerbit utama sukuk, Malaysia mengukuhkan kedudukannya untuk lebih menguasai kewangan Islam.

Status Terkini Bajet 2015

Melalui Bajet 2015 yang bertemakan Ekonomi Keperluan Rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan tujuh strategi untuk membangun dan memakmurkan negara. Strategi berkenaan ialah memperkukuh pertumbuhan ekonomi, memantap tadbir urus fiskal, mengupaya modal insan dan keusahawanan, memperkasa agenda Bumiputera, memartabat peranan wanita, membangun program transformasi belia negara, dan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Selaras dengan strategi ini, RM260.7 billion telah diperuntukkan pada tahun ini dengan RM213.3 billion (81.8%) untuk perbelanjaan mengurus (OE) dan RM47.4 billion (18.2%) untuk perbelanjaan pembangunan (DE). Berikutan ketidaktentuan harga minyak mentah, Kerajaan telah menyemak semula perbelanjaan dengan pengurangan sebanyak RM13.2 bilion berbanding peruntukan awal sebanyak RM273.9 bilion yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2015.

Strategi Pertama: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Kerajaan komited menyediakan ekosistem yang kondusif dan komprehensif untuk merancang pertumbuhan ekonomi negara. Bagi merealisasikan strategi ini, 11 inisiatif diperkenalkan untuk memperkukuh beberapa sektor strategik termasuk perkhidmatan, kewangan, pembuatan dan industri kreatif. Strategi ini juga meliputi inisiatif untuk mengukuhkan pelaburan awam dan swasta, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta inovasi dan pengkomersialan.

Merancang Sektor Perkhidmatan

Bagi merencanakan lagi sektor perkhidmatan dan mencapai sasaran 56.5% kepada KDNK menjelang 2020, Kerajaan memperkenalkan lima inisiatif, iaitu melaksanakan Pelan

Induk Sektor Perkhidmatan, mewujudkan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan (SSGS) berjumlah RM5 bilion, menubuhkan *Research Incentive Scheme for Enterprises* (RISE), memperkenalkan semula Dana Perkhidmatan Eksport (SEF) dan mengukuhkan Skim Pembangunan Francais. Pelan Induk Sektor Perkhidmatan telah dilancarkan pada 16 Mac 2015 dengan pembentukan sebuah jawatankuasa khas sektor perkhidmatan untuk menyelia pelaksanaan Pelan Induk berkenaan. Sementara itu, SSGS telah diwujudkan dan sehingga Julai 2015, sejumlah 30 institusi kewangan bersetuju untuk mempromosi skim ini secara bersama. Di samping itu, Kerajaan memperluas RISE, bagi membolehkan syarikat tempatan melantik penyelidik berpengalaman menjalankan penyelidikan dan meningkatkan penggunaan teknologi secara berkesan. Bagi membantu penyedia perkhidmatan Malaysia terus berkembang dan meneroka pasaran antarabangsa, SEF diperkenalkan semula pada bulan Mei 2015. Dana berjumlah RM300 juta akan diagih dalam bentuk geran dan pinjaman mudah. Kerajaan juga telah mengukuhkan Skim Pembangunan Francais yang dijangka memberi manfaat kepada 40 francais untuk meneroka pasaran antarabangsa.

Memperkuh Pasaran Kewangan Islam

Kerajaan komited untuk meningkatkan dan mengukuhkan pasaran kewangan Islam. Sehubungan ini, *Investment Account Platform* (IAP) diperkenalkan dengan dana permulaan RM150 juta. IAP ini adalah platform pelaburan baharu patuh Syariah bertujuan menarik penyertaan pelabur individu dan institusi untuk melabur dan merancang pembangunan PKS. Platform berpusat pelbagai bank telah ditubuhkan untuk mengendalikan IAP yang sedang dibangunkan dan dijangka akan dilancarkan pada bulan Januari 2016.

Kerajaan juga komited untuk meningkatkan aktiviti sukur dan pasaran bon domestik sebagai mekanisme pembiayaan yang penting bagi sektor swasta dan awam. Sehubungan ini, Bon dan Sukur Dagangan Bursa (ETBS) telah ditubuhkan bagi memudahkan penyertaan dan dagangan bon dan sukur. Usaha diambil untuk membangunkan penawaran dan permintaan dengan melibatkan penerbit serta membimbing pelabur institusi dan runcit. Penyenaraian dan dagangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di ETBS akan mewujudkan pasaran sekunder yang rancak untuk bon dan sukur. Di samping itu, Khazanah Nasional Bhd telah menerbitkan Sukur Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) bernilai RM100 juta pada bulan Mei 2015. Sukur inovatif ini akan digunakan untuk membiayai pelbagai program di sekolah melalui Perkongsian Awam-Swasta dengan Kementerian Pendidikan.

Mempercepat Pelaburan Awam dan Swasta

Kerajaan terus meningkatkan pelaburan awam dan swasta dengan melaksanakan pelbagai projek infrastruktur strategik untuk memaksimumkan faedah ekonomi dan sosial, termasuk projek lebuh raya, landasan kereta api

dan *Mass Rapid Transit* (MRT) serta Transit Aliran Ringan (LRT). Lebuh raya diperlukan untuk menampung jumlah trafik yang tinggi serta meningkatkan kesalinghubungan dan memendekkan masa perjalanan. Di samping itu, bagi mengurangkan kesesakan di jalan awam serta menggalakkan lebih ramai pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang, projek MRT dibina manakala LRT diperluaskan. Kemudahan ini dijangka memberi manfaat kepada dua juta pengguna di Lembah Klang. Sementara itu, landasan kereta api yang terjejas teruk akibat banjir di Pantai Timur sedang dibaiki dan dinaik taraf. Projek pengangkutan awam dan infrastruktur ini masih dalam pelbagai fasa pelaksanaan dan dijangka siap secara berperingkat menjelang 2022.

Sektor minyak, gas dan tenaga (OGE) ialah satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bertujuan menarik pelaburan, meningkatkan peluang pekerjaan dan menggalakkan pemindahan teknologi bagi meletakkan Malaysia sebagai hab industri minyak dan gas di rantau Asia Pasifik menjelang 2017. Melalui inisiatif ini, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dikenal pasti sebagai satu daripada projek permulaan (EPP) untuk mengembangkan aktiviti hiliran. Terdapat dua projek utama yang sedang dilaksanakan di PIPC, iaitu Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC), yang terdiri daripada Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) serta kemudahan berkaitan PETRONAS, dan *Pengerang Deepwater Petroleum Terminal* (PDT). PIC melibatkan pelbagai projek seperti Projek Air Mentah RAPID, *1st Gas Turbine* untuk pembekalan elektrik serta projek pembangunan bersepadu penapisan dan petrokimia. Kesemua projek ini dijangka siap pada tahun 2019.

Meningkat Kapasiti Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi

Untuk meningkatkan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan di lokasi tumpuan, khususnya di bandar dan pusat siber, serta taman teknologi di kebanyakan bandaraya dan bandar utama. Sehingga bulan Jun 2015, Kerajaan telah menyiapkan pemasangan 3,056 port HSBB, 28% pemasangan kabel dasar laut dan membina 165 menara komunikasi.

Merancang Industri Pelancongan

Industri pelancongan telah dikenal pasti sebagai pemacu utama sektor perkhidmatan. Bagi menyokong Malaysia *Year of Festivals* (MyFEST) 2015, pelbagai program telah dilaksanakan untuk meningkatkan kedatangan pelancong asing serta mempromosi pelancongan domestik. Program ini termasuk saluran TV Go ASEAN, Pemasaran Digital, NKEA Pelancongan dan acara baharu MyFEST 2015. Sehingga bulan Ogos 2015, RM202 juta telah dibelanjakan untuk program ini. Sejajar dengan inisiatif ini, Kerajaan menyasarkan untuk menarik 29.4 juta pelancong asing dan 63.7 juta pelancong domestik dengan jangkaan hasil bernilai RM132 bilion pada tahun 2015. Pada suku pertama (Q1) 2015, seramai 6.5 juta pelancong asing telah melawat Malaysia.

Membangun Perusahaan Kecil dan Sederhana

PKS terus memainkan peranan penting dengan menyediakan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada KDNK. Bagi meningkatkan penyertaan PKS dalam aktiviti ekonomi, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa program, termasuk Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Pemodenan (SLSAM), Pinjaman Pembiayaan Kredit Mikro serta Skim Kredit Mikro bagi penaja dan peniaga kecil Cina. Dengan menyediakan pinjaman mudah kepada syarikat pembuatan bagi membeli aset tetap, SLSAM bertujuan untuk menggalakkan inovasi, automasi dan penggunaan teknologi baharu. Sehingga bulan Ogos 2015, RM147.1 juta telah diagihkan kepada 59 syarikat.

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) telah memperkenalkan fasiliti Pinjaman Pembiayaan Kredit Mikro kepada pelbagai kumpulan sasaran, termasuk veteran angkatan tentera dan usahawan profesional muda. Sehingga bulan Ogos 2015, TEKUN Nasional telah membelanjakan RM272.7 juta yang memanfaatkan 24,990 usahawan. Pada masa yang sama, bagi membantu penaja dan peniaga kecil dalam kalangan komuniti Cina, Yayasan Penaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia telah ditubuhkan untuk mengurus fasiliti kredit mikro bernilai RM30 juta. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 435 permohonan diterima, di mana 41 pemohon telah diluluskan pinjaman berjumlah RM600,000.

Pembangunan Inovasi dan Pengkomersialan

Dalam usaha mewujudkan satu ekosistem mesra pengetahuan dan meningkatkan produktiviti PKS, *Public Private Research Network* (PPRN) dilancarkan pada bulan Februari 2015 melalui kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, industri dan agensi kerajaan. PKS akan mengenal pasti bidang berpotensi yang mampu meningkatkan produktiviti dan PPRN akan menyediakan geran dan memadankan PKS dengan pasukan pakar bagi membangunkan teknologi terkini. Sehingga bulan Julai 2015, RM7 juta telah dibelanjakan dengan 196 projek berjaya dipadankan melibatkan 127 syarikat, 17 universiti awam dan empat universiti swasta.

Kerajaan komited untuk membangunkan inovasi dan pengkomersialan. Sehubungan ini, di bawah program *Technology Commercialisation Platform*, sehingga bulan Julai 2015, RM23.2 juta telah disalurkan kepada 21 syarikat. Program ini bertujuan untuk menghapuskan halangan pasaran terhadap inovasi dengan menyediakan akses kepada rangkaian pelbagai perkhidmatan seperti sokongan infrastruktur, pembiayaan dan pembinaan kapasiti.

Strategi Kedua: Memperkukuh Tadbir Urus Fiskal

Kerajaan beriltizam untuk memantap tadbir urus fiskal walaupun ketidakpastian persekitaran luaran yang terus mencabar. Dalam usaha mencapai kemapanan fiskal jangka panjang dan kestabilan makroekonomi, penekanan diberi untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan

defisit fiskal bagi mencapai bajet berimbang menjelang 2020. Dalam hal ini, antara inisiatif strategik yang diambil adalah program rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan GST.

Antara program rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal bagi menentukan harga runcit RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran. Melalui mekanisme ini, subsidi minyak dihapuskan dan penjimatan ini disalurkan kepada program sosial dan pembangunan. Pelaksanaan GST merupakan sebahagian inisiatif pembaharuan cukai Kerajaan ke arah memastikan sistem percukaian yang lebih telus, cekap dan berkesan serta berupaya menjana sumber hasil yang stabil.

Mengarus Perdana Strategi Lautan Biru Kebangsaan

Kerangka Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) diperkenalkan untuk merencanakan lagi keberhasilan NTP melalui konsolidasi kesemua program dilaksanakan dengan pantas, berkos rendah dan berimpak tinggi. Melalui NBOS ini, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Transformasi Bandar (UTC), sebuah pusat sehenti di bandar utama yang menyediakan pelbagai perkhidmatan agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta. UTC menggunakan bangunan kerajaan sedia ada yang dibaik pulih dan beroperasi tujuh hari seminggu, mulai 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Program UTC diiktiraf sebagai satu daripada inisiatif NBOS paling terbaik dan telah memenangi Anugerah Inovasi Perdana Menteri pada tahun 2014. Selain itu, berdasarkan keberkesanan sistem penyampaian UTC, Kerajaan akan menambahkan bilangan UTC ke beberapa lokasi strategik. Sehingga bulan September 2015, sejumlah 10 UTC sedang beroperasi.

Skop NBOS telah diperluas untuk menggalak peningkatan kemahiran dan mengukuh kebolehpasaran graduan melalui kerjasama sektor awam dan swasta. Dalam hal ini, Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia dan Pusat Latihan 1Malaysia diperkenalkan bagi menangani isu pengangguran graduan. Program ini menawarkan kemahiran yang seragam, bersasar serta berorientasikan industri bagi meningkatkan kebolehpasaran. Selaras dengan ini, 10 agensi kerajaan berkolaborasi menyediakan penempatan industri yang relevan kepada pelatih. Sehingga bulan Ogos 2015, RM3 juta dibelanjakan dan telah memanfaatkan lebih 2,100 pelatih.

Strategi Ketiga: Mengupaya Modal Insan dan Keusahawanan

Pembangunan modal insan adalah penting dalam mempercepat pertumbuhan ekonomi yang mapan dan inklusif. Menyedari kepentingan penjaan idea, kreativiti dan inovasi serta kemahiran untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan, beberapa inisiatif telah diperkenalkan semasa Bajet 2015. Ini termasuk memantapkan profesionalisme perguruan dan prestasi sekolah, mengupaya sekolah amanah dan membina sekolah baharu, mengarus perdana pembangunan pendidikan teknikal dan vokasional, serta menambah baik fasiliti pendidikan.

Sisipan 1

Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (Pusat MYXpats)

Transformasi Perkhidmatan Imigresen Ekspatriat

Dialog bersama industri pada masa lalu telah membangkitkan isu perkhidmatan imigresen bagi ekspatriat mahir yang tidak mesra pelanggan, memerlukan banyak kertas kerja dan tempoh kelulusan yang tidak konsisten, iaitu sering mengambil masa lebih daripada sebulan. Susulan daripada transformasi ekonomi yang memerlukan kemahiran khusus yang kadang kala tidak dapat diperolehi daripada tenaga kerja tempatan, terdapat keperluan penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan imigresen untuk ekspatriat mahir adalah cekap.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah bekerjasama untuk memberikan perkhidmatan berorientasikan pelanggan; proses permohonan sepenuhnya secara dalam talian dan tempoh kelulusan yang lebih cepat. Sebelum ini, JIM berfungsi dengan berorientasikan produk di mana Pas Penggajian, Pas Lawatan Profesional dan Pas Lawatan Sosial yang diperlukan oleh ekspatriat dikendalikan oleh jabatan yang berbeza di JIM.

- **Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat**

Pada bulan Jun 2014, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD), satu transformasi ke arah pendekatan yang lebih mengutamakan pelanggan; semua perkhidmatan imigresen yang berkaitan dengan ekspatriat mahir dikendalikan oleh ESD.

- **Meningkatkan Permohonan Secara Dalam Talian**

Terdahulu, semua permohonan Pas Penggajian dibuat secara manual dan majikan dikehendaki mengemukakan maklumat syarikat bagi setiap permohonan. Dengan pelancaran ESD, majikan hanya perlu memuatnaik dokumen syarikat mereka sekali sahaja semasa mendaftar secara dalam talian. Sehingga kini, lebih 7,000 majikan telah berdaftar, dan lebih 42,000 permohonan Pas Penggajian telah diproses.

- **Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (Pusat MYXpats)**

Pusat MYXpats telah beroperasi sepenuhnya sejak bulan Jun 2015, hasil kerjasama TalentCorp dan JIM. Pusat MYXpats telah ditubuhkan dengan piagam pelanggan untuk memproses semua permohonan Pas Penggajian yang dikemukakan secara dalam talian oleh majikan yang berdaftar dengan ESD dalam tempoh lima hari bekerja. Sehingga kini, lebih 80% permohonan telah diluluskan mengikut piagam pelanggan.

Melangkah Ke Hadapan

Pembukaan Pusat MYXpats menandakan satu lagi pencapaian penting bagi memudahkan ekspatriat terbaik untuk pelabur utama dan majikan. Melalui kerjasama, pengalaman kolektif dan pengetahuan tiga agensi tersebut, Pusat MYXpats dapat menawarkan perkhidmatan memproses permohonan ekspatriat dengan efisien dan mengutamakan pelanggan.

Sumber: Talent Corporation Malaysia Berhad.

Memantap Profesionalisme Perguruan dan Prestasi Sekolah

Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Daerah untuk memperkasa Pegawai Pendidikan Daerah dengan menyediakan sokongan pengajaran kepada pengetua dan guru. Selain itu, untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pencapaian pelajar, lebih 1,200 jawatan *School Improvement Specialist Coaches+* (SISC+) dan 339 jawatan *School Improvement Partners+* (SIPartners+) telah diwujudkan. Sehingga bulan Ogos 2015, lebih 1,100 SISC+ dan 300 SIPartners+ telah dilantik. Kedua-dua jawatan ini telah membantu lebih 39,000 guru melalui sesi bimbingan dan mentor. Sehingga bulan Ogos 2015, RM14.2 juta telah dibelanjakan bagi program ini.

Mengupaya Program Sekolah Amanah dan Pembinaan Sekolah Baharu

Kerajaan telah memperluas Program Sekolah Amanah di bawah inisiatif Perkongsian Awam-Swasta. Melalui program ini, Kerajaan menyediakan dana dan sumber untuk operasi harian, manakala pihak swasta menyumbang sumber tambahan untuk meningkatkan pencapaian dan kualiti pelajar. Sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 50 Sekolah Amanah di seluruh negara dengan 18 sekolah di Johor, Sarawak (12), Selangor (9), Sabah (5), Kuala Lumpur (4), Perak (1) dan Negeri Sembilan (1), dengan RM6.8 juta telah dibelanjakan bagi program ini. Sementara itu, 12 sekolah baharu yang terdiri daripada tujuh sekolah rendah, tiga sekolah menengah, dan dua sekolah berasrama

penuh, akan dibina di Sarawak (6), Selangor (3), Johor (2) dan Melaka (1). Semua sekolah berkenaan dijangka siap dibina pada tahun 2018.

Mengarus Perdana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Menjelang 2020, sekurang-kurangnya 60% pekerjaan dalam ekonomi memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Bagi memenuhi permintaan ini, Kerajaan terus memberi penekanan kepada program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) melalui pelaksanaan program Transformasi Pendidikan Vokasional. Sehubungan ini, Kerajaan menjalankan *Conversion Project* melibatkan penaik tarafan sekolah vokasional kepada kolej vokasional. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 80 sekolah vokasional (89.9%) dinaik taraf melibatkan RM8.7 juta.

Permintaan program TVET semakin bertambah berikutan peningkatan minat dalam kalangan pelajar terhadap pendidikan vokasional. Untuk memenuhi permintaan ini, melalui kerangka NBOS, Kerajaan memperoleh kerjasama Institusi Latihan Kemahiran Awam untuk menyediakan tempat latihan termasuk perkongsian fasiliti, peralatan dan sumber manusia. Di samping itu, skim *buying places* ditubuhkan untuk menambah tempat latihan melalui kerjasama beberapa Institusi Latihan Kemahiran Swasta. Sehingga bulan Ogos 2015, enrolmen program TVET ialah 8,585 pelajar dengan perbelanjaan RM49.8 juta.

Strategi Keempat: Memperkasa Agenda Bumiputera

Kerajaan terus memperkasa komuniti Bumiputera melalui pelbagai program dan meningkatkan penyertaan dalam pembangunan ekonomi sejajar dengan pertumbuhan inklusif. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk mempertingkatkan pemilikan ekuiti, memperkukuh keusahawanan dan PKS serta mempertingkatkan modal insan.

Meningkat Pemilikan Ekuiti Bumiputera

Bagi memantapkan agenda Bumiputera, Kerajaan terus memperkukuh pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Sehubungan itu, Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS) berperanan untuk meningkatkan ekuiti korporat Bumiputera dan menggalakkan penyertaan dalam ekonomi yang mapan. Sejak penubuhan pada tahun 2010, EKUINAS telah melabur sebanyak RM2.5 bilion dalam syarikat berpotensi termasuk di sektor minyak dan gas, perkhidmatan dan penjagaan kesihatan.

Memperkukuh Keusahawanan Bumiputera

Bagi memperkukuh penyertaan Bumiputera dalam ekosistem keusahawanan, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah mengendalikan dan menyelaras inisiatif pendidikan dan pembangunan keusahawanan. INSKEN telah melancarkan program BisKaunselor pada bulan Ogos 2015 untuk melatih dan meningkatkan kemahiran 400

kaunselor perniagaan. Kesemua kaunselor ini kemudian akan membantu 5,000 usahawan untuk mengasah kemahiran mereka dan menyediakan pelan perniagaan yang teratur dan bersesuaian. Tambahan pula, INSKEN500 ditubuhkan untuk menyediakan sesi latihan kepada sekurang-kurangnya 500 syarikat dengan kerjasama Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), SME Corp, MyIPO dan universiti. Di samping itu, INSKEN telah menganjurkan *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) pada bulan Mei 2015 dengan kerjasama Universiti Tun Abdul Razak untuk berkongsi dan memanfaatkan penemuan penyelidikan GEM. Sehingga bulan Jun 2015, RM15 juta telah dibelanjakan untuk program tersebut.

Sebagai usaha berterusan untuk memacu idea perniagaan inovatif dan kreatif daripada syarikat baharu yang beroperasi kurang tiga tahun, TERAJU menganjurkan pertandingan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan menyediakan geran sehingga RM500,000 kepada pemenang. Permohonan dikemukakan menggunakan video dalam talian dan dinilai melalui proses saringan, boot kem dan sesi pembentangan. Sejak penganjurannya pada tahun 2013, RM30 juta telah dianugerahkan kepada 60 pemenang.

Bagi meningkatkan kapasiti syarikat Bumiputera untuk menembusi pasaran global, pada bulan Ogos 2015, TERAJU telah melancarkan program pra-eksport untuk Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia. Sehingga bulan Jun 2015, RM10 juta telah disediakan kepada syarikat Bumiputera dalam industri minuman dan makanan halal.

Bagi memastikan sekurang-kurangnya 50% penyertaan strategik Bumiputera dalam projek mega bernilai RM500 juta dan ke atas, Kerajaan memperluas program *carve-out and compete* termasuk projek inisiatif swasta dan kerajaan negeri. Sehingga bulan Jun 2015, sebanyak 11 projek telah dikenal pasti di bawah program *carve-out and compete*, termasuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (MRT Line 1), Menara Warisan Merdeka dan Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia.

PKS Bumiputera

Kerajaan kekal komited meningkatkan kapasiti dan kepakaran syarikat Bumiputera untuk memperluas perniagaan dan berdaya saing pada peringkat global. Sehubungan itu, dana Bumiputera Al-Ansar telah ditubuhkan pada bulan April 2015. Dana ini ialah Akaun Pelaburan Terhad (RIA) patuh syariah, bertujuan untuk membantu usahawan atau PKS Bumiputera dengan menyediakan pembiayaan antara RM50,000 dan RM1 juta. Sehingga bulan Jun 2015, RM9.1 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif ini.

Membangun Modal Insan Bumiputera

Kerajaan terus memberi tumpuan untuk membangunkan modal insan Bumiputera dengan menyediakan pinjaman pendidikan bagi melanjutkan pelajaran di dalam dan luar

negeri. Sehingga bulan Ogos 2015, RM1.9 bilion telah dibelanjakan untuk inisiatif ini. Tambahan pula, bagi memenuhi permohonan pinjaman yang meningkat, Skim MARA-Bank telah dilancarkan pada bulan Julai 2015. Skim ini merupakan perkongsian pintar antara MARA dengan beberapa institusi kewangan tempatan untuk menyediakan pinjaman pendidikan kepada semua peringkat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri.

Di samping itu, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera bertanggungjawab melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan akses pendidikan pada setiap peringkat pengajian. Sehubungan ini, program Peneraju Tunas menyediakan biasiswa pendidikan untuk pelajar pasca-UPSR dan pasca-SPM dari kalangan isi rumah berpendapatan bulanan di bawah RM4,000. Sementara itu, program Peneraju Skil dan Peneraju Profesional menawarkan biasiswa pendidikan dan latihan serta pinjaman kepada belia dalam program pensijilan profesional atau bidang teknikal. Selain itu, Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana. Sehingga bulan Ogos 2015, RM28.4 juta telah dibelanjakan untuk program ini, memanfaatkan 4,522 pelajar.

Bagi meningkatkan bilangan akauntan bertauliah Bumiputera daripada 8% pada tahun 2014 kepada 25% menjelang 2020, Kerajaan melancarkan Pusat Profesional Perakaunan pada bulan Mac 2015 dengan kerjasama Institut Akauntan Malaysia. Sehingga bulan Jun 2015, seramai 330 pelajar telah mendaftar dalam program perakaunan profesional, termasuk *Certified Accounting Technicians* (CAT) dan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA).

Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Dalam usaha untuk mencapai pembangunan seimbang dan pertumbuhan inklusif, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Sehubungan ini, 1,663-kilometer (km) Lebuhraya Pan-Borneo telah dilancarkan pada bulan Mac 2015. Projek ini bermula dengan penaiktarafan jalan satu lorong sedia ada sepanjang 1,090-km dari Telok Melano ke Miri di Sarawak kepada jalan dua lorong, dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 billion. Projek ini dijangka disiapkan menjelang 2020. Sehingga bulan Ogos 2015, projek dari Simpang Nyabau ke Simpang Bakun di Teluk Melano sedang dibina dengan perbelanjaan sebanyak RM58.6 juta.

Penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) adalah inisiatif pre-emptif untuk meningkatkan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE). Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 11 projek telah dilaksanakan, iaitu menaik taraf kem Pasukan Gerakan Am (PGA) di Beluran, pangkalan maritim bagi Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) di Semporna, blok penginapan dan pos pertahanan bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Lahad Datu, pembinaan tiga pangkalan keselamatan di Semporna dan Sandakan, pembelian kenderaan dan peralatan untuk operasi ESSCOM dan pasukan keselamatan lain serta meningkatkan kapasiti

radar. Pengambilan tanah dan pembinaan infrastruktur sedang dijalankan untuk membina Kem ATM di Felda Sahabat, Lahad Datu. Di samping itu, Kerajaan juga telah meningkatkan kehadiran anggota keselamatan di kawasan ESSZONE.

Bagi menyeragamkan harga barangan keperluan asas antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan meringankan kos sara hidup penduduk di luar bandar dan pedalaman, Kerajaan terus melaksanakan Program Penyeragaman Harga melalui pelbagai inisiatif termasuk subsidi pengangkutan, program 1Malaysia 1Harga dan *Mobile Kedai Rakyat* 1Malaysia. Sehingga bulan Julai 2015, RM38.6 juta untuk Sarawak dan RM40.1 juta bagi Sabah telah dibelanjakan. Kerajaan juga telah membina lebih banyak Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan sehingga bulan Julai 2015, 19 KR1M telah diwujudkan di Sabah dan 30 di Sarawak.

Strategi Kelima: Memartabat Peranan Wanita

Wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka dalam tenaga kerja dan pembuat keputusan masih rendah. Dalam hal ini, Kerajaan terus membantu wanita untuk kembali ke pasaran kerja melalui *1Malaysia Support For Housewives* (1MS4HW) yang terdiri daripada empat program, iaitu Program Menjana Pendapatan, pendaftaran dan penempatan suri rumah melalui portal JobsMalaysia, Program *Survivor Skills For Women* (SS4W) dan Skim *Housewives Enhancement and Reactivate Talent* (HEARTS). Sehingga bulan Ogos 2015, RM0.9 juta telah dibelanjakan dan memanfaatkan lebih 320 peserta. Di samping itu, TalentCorp telah mewujudkan Program *Women Career Comeback* bertujuan mengambil dan mengekalkan wanita bekerja serta memberi peluang kerjaya untuk wanita yang mahu kembali bekerja. Pelbagai program telah dilaksanakan termasuk bengkel dan pameran kerjaya. Sehingga bulan Jun 2015, lebih 62 wanita profesional telah mendapat penempatan kerja melalui program ini.

Melalui Program Pengarah Wanita (WDP), Kerajaan menyasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan strategik. Menerusi program ini, calon diberi latihan kemahiran spesifik lembaga pengarah dalam usaha untuk menyediakan senarai calon yang bersesuaian bagi syarikat berkaitan Kerajaan dan sektor swasta. Sejak pelancarannya pada tahun 2012, seramai 974 pengarah wanita telah dilatih dan 32 daripada mereka sedang berkhidmat di syarikat awam tersenarai. Sementara itu, Kerajaan terus melaksanakan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang menyediakan latihan, termasuk keusahawanan, perniagaan tani dan aktiviti berkaitan pelancongan. Dalam tempoh H1 2015, 725 wanita telah mengambil bahagian dalam kedua-dua program berkenaan.

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan kerjasama Sekretariat Khas bagi Memperkasakan Usahawan India telah meluaskan peranan Skim Pinjaman Ikhtiar untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan wanita India. Sehingga bulan Jun 2015, seramai 8,121 wanita telah mengambil bahagian dalam

Sisipan 2


Wanita dalam Tenaga Kerja: Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Pengenalan

Sehingga tahun 2009, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita kekal tidak berubah iaitu dalam lingkungan 46%. Melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, KPTB wanita telah secara beransur-ansur meningkat kepada 53.6% pada tahun 2014, dengan penambahan 600,000 wanita dalam tenaga kerja.

CARTA 1

Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita di Malaysia 2005 – 2015



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi.

Faktor Utama Mendorong Peningkatan KPTB Wanita

Peningkatan KPTB wanita telah didorong oleh gabungan beberapa faktor hasil daripada inisiatif Kerajaan dan usaha majikan sektor swasta seperti berikut:

Peningkatan Tahap Pendidikan di Kalangan Wanita

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan pelajar perempuan di peringkat pengajian tinggi. Sebahagian besar graduan Malaysia adalah wanita, dengan 63% lepasan universiti awam pada tahun akademik 2013/2014. Analisis berdasarkan tahap pencapaian pendidikan menunjukkan wanita yang berpendidikan tertiar lebih cenderung menceburi alam pekerjaan berbanding lepasan sekolah tanpa mengira usia. Oleh itu, angka graduan wanita yang lebih tinggi telah menyumbang kepada peningkatan KPTB wanita keseluruhan.

Peningkatan Peluang Pekerjaan dalam Sektor Perkhidmatan

Antara tahun 2008 dan 2014, 75% daripada peluang pekerjaan diwujudkan di sektor perkhidmatan terutamanya dalam pentadbiran dan perkhidmatan sokongan, kesihatan dan pendidikan, di mana wanita menyumbang kira-kira 50% daripada jumlah tenaga kerja. Peluang pekerjaan dalam subsektor perkhidmatan khususnya yang kurang memerlukan tenaga fizikal, disokong aturan kerja fleksibel, menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif untuk wanita berbanding sektor lain seperti pembinaan.

Pembangunan Usahawan Wanita

Di bawah Bajet 2015, RM2.3 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja dan menggalakkan aktiviti keusahawanan. Ini termasuk menyediakan peluang kepada ibu tunggal yang berminat menjadi usahawan di bawah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Program Inkubator Keusahawanan Wanita (IKeuNITA)

dan Program Teras Pembangunan Wanita. Di samping itu, RM30 juta diperuntuk kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan wanita India. Usaha ini telah membantu mengukuhkan peranan wanita dalam ekonomi serta menyumbang kepada peningkatan KPTB wanita.

Menggalakkan Aturan Kerja Fleksibel di Kalangan Majikan

FlexWorkLife.my yang merupakan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan TalentCorp, dilancarkan pada bulan Julai 2013 bertujuan untuk membina rangkaian majikan dengan mengetengahkan kajian kes, amalan terbaik dan contoh kejayaan majikan yang mempunyai aturan kerja fleksibel, amalan kerja dan kehidupan atau kemudahan mesra ibu bapa di tempat kerja.

Kajian kes digunakan sebagai panduan kepada majikan lain untuk meningkatkan amalan kerja dan kehidupan bagi mengekalkan tenaga kerja mahir, terutama wanita. Setakat ini, TalentCorp, dengan kerjasama Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), telah menganjurkan bengkel untuk menyokong keperluan aturan kerja fleksibel di Kuala Lumpur dan Johor Bahru yang disertai oleh 461 syarikat. Hampir 20 syarikat telah memulakan pelbagai bentuk aturan kerja fleksibel yang terdiri daripada waktu bekerja berperingkat, waktu bekerja fleksi dan *telecommuting*.

Program Career Comeback

Sebagai sebahagian daripada langkah Bajet 2015, geran bagi program *Career Comeback* telah dilancarkan pada bulan Mac 2015 bertujuan menggalakkan majikan untuk mengambil wanita Malaysia yang berminat untuk kembali bekerja selepas berhenti kerja sementara. Dua jenis geran disediakan kepada majikan:

Geran Penyumbangan: Bagi syarikat yang melaksanakan atau meningkatkan program atau kempen bagi mengambil wanita yang berminat untuk kembali bekerja. Geran ini menawarkan pembiayaan bersama 75% daripada kos yang ditanggung untuk melaksanakan program ini.

Geran Pengekalan: Untuk pengambilan yang berjaya dan pengekalan wanita yang kembali bekerja untuk tempoh bekerja lebih daripada enam bulan. Jumlah geran bersamaan satu bulan gaji wanita yang kembali bekerja.

Dalam masa kurang daripada enam bulan selepas pelancarannya, 45 syarikat merangkumi syarikat multinasional dan syarikat tempatan telah berjaya mengambil lebih 60 wanita di bawah Program *Career Comeback*.

Kesimpulan

Wanita Malaysia telah berjaya mendapat faedah ketara di tempat kerja, merapatkan jurang kepelbagaian dan menduduki jawatan utama. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah mempergiat usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Pada masa hadapan adalah penting bagi majikan sektor swasta untuk bekerjasama dan menyokong fokus Kerajaan terhadap kepelbagaian di tempat kerja. Kemasukan lebih ramai tenaga kerja wanita ke alam pekerjaan akan menyumbang ke arah merealisasikan potensi mereka, meningkatkan pendapatan keluarga, prestasi syarikat dan ekonomi negara.

Sumber: Talent Corporation Malaysia Berhad.

skim ini. Penyertaan tertinggi adalah kumpulan mudah terjejas dengan pendapatan bulanan isi rumah RM821 hingga RM3,499 (4,375 peserta) diikuti kumpulan usahawan dengan pendapatan bulanan isi rumah RM3,500 dan ke atas (3,515 peserta) serta kumpulan miskin dan miskin tegar dengan pendapatan bulanan isi rumah RM820 dan ke bawah (231 peserta).

Untuk menggalakkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan berkeluarga serta meningkatkan ikatan kasih sayang antara ibu dan anak, Kerajaan menambah baik Kemudahan Cuti Menjaga Anak kepada penjawat awam. Bermula 1 Januari 2015, penjawat awam wanita diberi fleksibiliti untuk mengambil cuti tanpa gaji menjaga anak

tidak terikat dengan tempoh cuti bersalin. Penjawat awam boleh kembali bekerja dan menangguh cuti menjaga anak, tertakluk kepada tempoh maksimum 365 hari serta tidak terhad kepada bilangan anak. Kemudahan ini diperluas kepada ibu yang mempunyai anak tiri, anak angkat yang sah, anak peliharaan dan anak kurang upaya. Bagi menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat penjagaan anak di tempat kerja sektor swasta, Kerajaan sedang menyemak semula garis panduan sedia ada untuk membolehkan majikan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di bangunan bertingkat. Sehingga bulan Ogos 2015, RM4.2 juta telah dibelanjakan untuk program memartabatkan peranan wanita.

Strategi Keenam: Membangun Program Transformasi Belia Negara

Kerajaan mengiktiraf peranan belia sebagai bakal pemimpin masa hadapan dalam pembangunan negara. Bagi mencapai objektif ini, Kerajaan memperkenalkan Pelan Transformasi Belia Negara, *1Malaysia Youth City*, Skim Perumahan Belia dan Program Negara Bersukan.

Pelan Transformasi Belia Negara

Peranan belia dalam pembangunan negara boleh dipertingkatkan lagi melalui pelbagai aktiviti, termasuk kesukarelawanan, kepimpinan dan keusahawanan. Bagi program kesukarelawanan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diubah kepada PLKN 2.0 yang terdiri daripada lapan modul termasuk *Fit4Life*, *Malaysiaku*, *Be Safe and Be Alert*. PLKN 2.0 turut menawarkan latihan di institusi kemahiran sehingga 24 bulan. Program ini dijangka bermula pada bulan Januari 2016. Program Rintis PLKN 2.0 akan dijalankan dari 17 Oktober hingga 16 Disember 2015 untuk mengenal pasti potensi impak positif dan halangan di dalam modul. Sementara itu, Yayasan Khidmat Negara yang bertujuan menyemai semangat kesukarelawanan dalam kalangan graduan PLKN, akan dilancarkan pada bulan Januari 2016.

Bagi memupuk semangat kesukarelawanan belia dan penyertaan sosial, Kerajaan akan terus melaksanakan Program Rakan Muda, Projek Angkat dan Upaya (PADU), Anugerah Belia Perdana, Program Kem Uniti, Program *MyCorps* dan *1Malaysia for Youth* (1M4U). Bagi Program Rakan Muda, sehingga bulan Ogos 2015, RM5.4 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan portal baharu, menganjurkan *Showcase of Talent* dan penjenamaan semula program. Di samping itu, PADU telah dilancarkan pada 18 November 2014 bagi melatih pekerja sosial muda untuk melibatkan diri dengan belia berisiko melalui aktiviti produktif dan sosial. Sehingga bulan Ogos 2015, RM4.7 juta telah dibelanjakan untuk program ini. Kerajaan terus menganjurkan Anugerah Belia Perdana sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan belia di dalam program kesukarelawanan dan sehingga bulan Ogos 2015, RM1.2 juta telah dibelanjakan. Manakala, Program Kem Uniti bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan belia berumur 15 hingga 20 tahun dan dijadualkan akan bermula pada bulan November 2015. Selain itu, *MyCorps* dan 1M4U akan terlibat dengan aktif dalam aktiviti kesukarelawanan negara.

Kerajaan juga berusaha memperkukuh kapasiti kepimpinan dan kemahiran belia melalui cadangan Akademi Kepimpinan Belia Negara (AKBN). Dalam hal ini, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Port Dickson, Negeri Sembilan akan dinaik taraf sebagai akademi latihan kepimpinan belia menjelang 2018, dengan enam inisiatif utama termasuk modul kepimpinan yang telah dikemas kini. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada proses transformasi, Program *Double Shift* dengan kursus berasaskan industri diperkenalkan pada bulan Julai 2015 bagi memastikan belia diberi kemahiran dan pengetahuan

mencukupi untuk memasuki pasaran kerja. Pada masa ini, terdapat lebih 14,000 pelajar sepenuh masa dan 1,400 pelajar mengikuti kursus jangka pendek di semua IKBN. Sementara itu, usaha transformasi melalui tiga boot kem telah dijalankan dengan lebih 90% peserta mendapat pekerjaan. Bagi kategori keusahawanan, Kerajaan memperkenalkan Program Usahawan Tani Belia untuk belia yang berusia antara 18 hingga 40 tahun. Program ini menyediakan latihan, pinjaman mudah dan geran. Sehingga bulan Ogos 2015, RM2.1 juta telah diagihkan kepada 142 penerima.

1Malaysia Youth City

Kerajaan juga menyasarkan untuk menyediakan ekosistem komprehensif bagi belia meningkatkan kapasiti mereka dalam beberapa aspek, termasuk pekerjaan, perniagaan dan keusahawanan serta menikmati fasiliti perumahan, rekreasi dan sukan yang lebih baik. Untuk ini, tiga *1Malaysia Youth City* (1MYC) akan diwujudkan, iaitu di Tanjong Malim, Perak dan Lundu, Sarawak manakala lokasi di Sabah sedang dikenal pasti. Sebahagian 1MYC telah dilaksanakan dengan menaik taraf rumah rehat sedia ada di Tanjong Malim untuk dijadikan *Art Hub* dengan kos RM0.5 juta.

Skim Perumahan Belia

Bagi memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan belia, Kerajaan telah melancarkan Skim Perumahan Belia pada 1 Julai 2015. Inisiatif ini adalah perkongsian pintar antara pihak Kerajaan, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memberi kemudahan pembiayaan kepada belia. Sehingga bulan September 2015, sebanyak 163 permohonan pinjaman berjumlah RM41.4 juta telah diluluskan.

Negara Bersukan

Bagi mencapai matlamat mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan, Kerajaan akan melaksanakan program Negara Bersukan. Program ini akan disokong melalui beberapa inisiatif termasuk Program *Malaysian Talent Identification* (MyTID), Modul Sukan Negara baharu, Program *FitMalaysia*, dan Hari Sukan Negara. Program MyTID bertujuan mewujudkan ramai bilangan bakat muda untuk bersaing di peringkat global. Sehingga bulan September 2015, seramai 105,641 murid Tahun 1 sekolah rendah di seluruh negara telah dinilai, di mana 25% terbaik akan dipilih untuk mengikuti latihan lanjut pada tahun 2016. Sementara itu, sehingga bulan Ogos 2015, seramai 3,806 guru dari 1,276 sekolah telah dilatih dalam Program Kejurulatihan. Modul Sukan Negara baharu telah dilancarkan pada 12 Februari 2015, bertujuan meningkatkan kualiti enam sukan berprestasi tinggi, iaitu bola sepak, berbasikal, badminton, sepak takraw, akuatik dan olahraga. Sehingga bulan Ogos 2015, RM18 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif berkenaan. Sementara itu, Program *FitMalaysia* telah dilancarkan di 10 negeri dengan penyertaan 253,025 peserta dan sehingga bulan Ogos 2015, RM1.9 juta telah dibelanjakan. Bagi inisiatif keempat, untuk menggalakkan gaya hidup sihat

dan meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelbagai komuniti melalui aktiviti sukan, Kerajaan mengumumkan hari Sabtu kedua bulan Oktober setiap tahun sebagai Hari Sukan Negara.

Strategi Ketujuh: Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat

Menyedari faedah pertumbuhan ekonomi wajar dirasakan dan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sebagaimana termaktub dalam ekonomi keperluan rakyat, Kerajaan terus komited untuk meringankan beban dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha juga akan dipergiat untuk menambah baik rantai bekalan makanan, keseragaman harga, sistem pengangkutan awam, perkhidmatan dan fasiliti penjagaan kesihatan, pemilikan rumah, fasiliti dan infrastruktur luar bandar, bekalan air bersih, keamanan dan keselamatan serta kesejahteraan rohani.

Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia

Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa yang mempunyai anak masih bersekolah, Kerajaan terus menyediakan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah. Seramai 5.1 juta pelajar mendapat manfaat daripada program bantuan persekolahan ini. Begitu juga dengan Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 memanfaatkan lebih 1.3 juta pelajar pendidikan tertiar.

Memperkuh Rantaian Bekalan Makanan

Kerajaan terus memastikan bekalan makanan mencukupi dan mampu dibeli rakyat. Dalam hal ini, bilangan pasar nelayan telah ditambah daripada lima kepada 65 lokasi bagi membolehkan nelayan pesisir pantai menjual terus kepada pembeli. Sehingga bulan Ogos 2015, RM3.1 juta telah dibelanjakan memanfaatkan lebih 4,600 nelayan. Begitu juga, bilangan pasar tani telah ditambah daripada 549 kepada 592 yang menjual produk segar pada harga berpatutan memandangkan kebanyakan peniaga mendapat bekalan terus dari ladang. Di samping itu, beberapa program telah diperkenalkan untuk mempromosi produk tempatan dan memastikan harga berpatutan. Ini termasuk kempen penurunan harga, menyasarkan 73 jenis produk pasar tani di seluruh negara serta di 85 Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Kedua-dua program berjaya menarik 26,101 peniaga. Sehingga bulan Jun 2015, RM1.5 juta telah dibelanjakan untuk kedua-dua program berkenaan.

Untuk meningkatkan bekalan makanan, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada ahli dengan pinjaman jangka pendek dan panjang untuk penyewaan jentera, pelaburan teroka dan aktiviti pelaburan lain. Sehingga bulan Julai 2015, NAFAS telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM59.4 juta kepada ahli-ahlinya. Di samping itu, untuk meningkatkan

pengeluaran padi, Kerajaan telah membina empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu baharu, iaitu di Pekan dan Rompin (Pahang), Batang Lupar (Sarawak) dan Kota Belud (Sabah). Inisiatif ini telah meningkatkan kawasan penanaman padi daripada 684,545 kepada 686,050 hektar dengan RM18 juta telah dibelanjakan untuk program ini sehingga bulan Ogos 2015.

Pembangunan dan Kebajikan Nelayan

Kerajaan kekal komited dalam meningkatkan kesejahteraan kumpulan nelayan yang memperoleh pendapatan bermusim dan bergantung kepada faktor cuaca. Sehubungan itu, Kerajaan telah meningkatkan elaun sara hidup bulanan untuk nelayan pesisir pantai daripada RM200 kepada RM300 dan nelayan laut dalam daripada RM200 kepada RM250. Sehingga bulan Ogos 2015, skim ini telah memanfaatkan seramai 50,521 nelayan. Bagi nelayan darat¹ baharu, elaun bulanan RM200 telah diagih memanfaatkan 3,445 nelayan. Untuk mempelbagai dan menstabilkan pendapatan nelayan, Kerajaan menggalakkan nelayan menceburi aktiviti akuakultur. Keseluruhannya sehingga bulan Ogos 2015, RM20 juta telah diagihkan kepada 406 nelayan.

Penyeragaman Harga dan Kedai Rakyat 1Malaysia

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (PCAP) 2011 adalah satu mekanisme penting untuk memantau harga di seluruh negara. Pada 14 Januari 2015, OPS CATUT telah dilancarkan untuk meningkatkan penguatkuasaan bagi menghalang peniaga mengambil kesempatan meraih keuntungan berlebihan berikutan pelaksanaan GST. Sehingga September 2015, lebih 1.5 juta pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara. Sebanyak 2,063 notis telah dikeluarkan kepada peniaga di bawah Seksyen 21, Akta PCAP 2011 kerana disyaki mengambil untung berlebihan. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Mahkamah Khas Antipencatutan untuk mempercepat proses pendakwaan.

Bagi mengawal dan memantau harga barangan, seramai 1,218 Pegawai Pemantauan Harga (PPH) telah ditugaskan untuk memantau lebih 500 barangan meliputi barangan runcit, perkakasan rumah dan makanan bermasakan. Berikutan pelaksanaan GST, PPH kini memantau perubahan harga bagi 10,000 barangan. Selaras dengan NBOS, kuasa diwakilkan kepada 605 ketua kampung untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta PCAP, 2011, Akta Kawalan Bekalan, 1961 dan Akta Timbang dan Sukat, 1972. Sementara itu, untuk mengukuhkan pemantauan harga, Skuad Pengguna terdiri daripada sukarelawan diwujudkan untuk membantu aktiviti pemantauan harga barangan dan perkhidmatan, dan sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 233,243 sukarelawan yang terlibat. Pada masa yang sama, bagi mengurangkan kos sara hidup, Kerajaan akan menubuhkan lebih banyak KR1M. Sehingga bulan September 2015, terdapat 169 KR1M di seluruh negara termasuk lapan² KR1M yang telah diwujudkan pada tahun 2015.

¹ Merujuk kepada nelayan yang bergantung hidup kepada sumber perikanan darat seperti sungai dan tasik.

² KR1M baharu terletak di Baling dan Sik (Kedah), Ijok (Selangor), Bachok (Kelantan), Bandar Seri Iskandar dan Sungai Rapat (Perak), Sungai Plan (Sarawak) dan Kudat (Sabah).

Mempertingkatkan Sistem Pengangkutan Awam

Sistem pengangkutan awam yang cekap, menepati masa, selesa dan lancar adalah penting bagi memudahkan pergerakan rakyat dan barangan terutama di kawasan metropolitan dan bandar. Kerajaan menambah baik perkhidmatan bas antara bandar dan bas berhenti-henti dan juga perkhidmatan *Electric Train Service* (ETS). Bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, perkhidmatan bas antara bandar menawarkan diskaun tambang bulanan sebanyak 30% untuk tiga laluan iaitu Rawang - Kuala Lumpur, Klang - Kuala Lumpur dan Seremban - Kuala Lumpur. Di samping itu, Kerajaan telah melancarkan program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) di Kangar yang menawarkan liputan lebih meluas dengan jarak perjalanan keseluruhan laluan daripada 124 km kepada 337 km. Sementara itu, pada bulan Julai 2015, perkhidmatan ETS dipanjangkan ke Sektor Utara iaitu laluan Ipoh – Padang Besar, laluan KL Sentral – Padang Besar dan laluan KL Sentral – Butterworth. Pada akhir bulan September 2015, laluan baharu ETS telah mencatatkan bilangan penumpang sebanyak 170,312. Bermula pada bulan Oktober 2015, perkhidmatan ETS dipanjangkan ke Sektor Selatan iaitu laluan Gemas – Butterworth dan Gemas – Padang Besar.

Bantuan Khas kepada Pekebun Kecil Getah dan Kelapa Sawit

Kemerosotan harga getah telah memberi kesan kepada pendapatan pekebun kecil. Bagi menjamin kesejahteraan pekebun kecil, Kerajaan melaksanakan inisiatif untuk memastikan pendapatan serta meningkatkan pengeluaran getah. Inisiatif ini termasuk bantuan khas, Mekanisme Kawal Selia Harga Getah di Peringkat Ladang (MKSHG), Insentif Pengeluaran Getah (IPG) serta Program Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTSG). Bantuan khas RM500 telah diberi kepada 308,872 pekebun kecil dan penoreh getah. Di samping itu, MKSHG diperkenalkan untuk mengawal harga getah di peringkat ladang dan mengurangkan orang tengah dalam rantai bekalan. Lembaga Getah Malaysia menggalakkan penubuhan koperasi pekebun kecil untuk membeli dan menjual terus kepada pengilang bagi harga yang lebih baik. Bagi tujuan ini, koperasi telah disediakan pinjaman mudah sebagai modal kerja dan sehingga bulan Ogos 2015, RM520,000 telah diagihkan kepada tujuh koperasi.

IPG bertujuan untuk memberi insentif kepada pekebun kecil getah apabila harga Bebas Atas Kapal (FOB) Standard Malaysia Rubber 20 (SMR 20) di bawah RM5.10 sekilogram atau harga getah sekerap di peringkat ladang sebanyak RM2.00 sekilogram. Ini dapat memastikan pengeluaran getah dan bekalan bahan mentah yang berterusan kepada aktiviti hiliran. Di samping itu, apabila harga mencecah RM8.25 sekilogram, pekebun kecil akan menyumbang kepada dana IPG, sekaligus memastikan kemapanan jangka panjang untuk membiayai skim IPG. Skim ini dilaksanakan bermula bulan September 2015. Tambahan pula, program TBTSG telah dilaksanakan di seluruh negara untuk memastikan pengeluaran getah dan bahan mentah berasaskan getah mencukupi bagi memenuhi

permintaan domestik. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak RM140 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Kerajaan terus menyediakan insentif tanam baharu dan semula di bawah Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Sehingga bulan Ogos 2015, seluas 35,529 hektar di bawah TBSPK dan 36,007 hektar di bawah TSSPK telah ditanam dengan perbelanjaan sebanyak RM464.6 juta. Di samping itu, bagi meningkatkan eksport minyak sawit mentah (CPO) dan mengurangkan stok domestik, mulai 1 September 2014 sehingga 28 Februari 2015, Kerajaan telah mengecualikan duti eksport CPO.

Perkhidmatan dan Fasiliti Penjagaan Kesihatan

Kerajaan komited untuk menyediakan perkhidmatan dan fasiliti penjagaan kesihatan berkualiti kepada rakyat. Dalam hal ini, RM577.1 juta telah dibelanjakan untuk membina fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk perancangan dan kerja awalan bagi Hospital Dungun (Terengganu), Hospital Seri Iskandar (Perak) dan 20 klinik kesihatan serta tiga klinik pergigian. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 324 Klinik 1Malaysia telah beroperasi termasuk enam klinik baharu, melebihi sasaran 290 klinik.

Sejumlah RM19.4 juta telah dibelanjakan di bawah Pelan Strategik Denggi Kebangsaan (NDSP) untuk mencegah dan mengawal denggi di negara ini. NDSP mempunyai tujuh strategi, iaitu pengawasan denggi, pengurusan vektor bersepadu, rawatan pesakit, tindak balas penularan wabak, penyelidikan, mobilisasi sosial dan komunikasi serta pengurangan kes denggi di Lembah Klang.

Kebajikan Wanita, Keluarga dan Komuniti

Kerajaan berterusan memberi bantuan kepada golongan miskin, kanak-kanak, orang tua dan orang kurang upaya (OKU) demi memastikan kesejahteraan mereka. Sehingga bulan Jun 2015, RM741.6 juta telah diagihkan kepada penerima bantuan berdaftar. Di samping itu, Kerajaan juga telah meningkatkan elaun makanan harian daripada RM8 kepada RM16 melibatkan seramai 8,700 penghuni di 63 institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sehingga bulan Jun 2015, RM2.4 juta telah dibelanjakan untuk elaun makanan. Sementara itu, geran tahunan Majlis Kebangsaan Bagi OKU telah dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta. Ini membolehkan Majlis meningkatkan perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Sehingga bulan Jun 2015, Kerajaan telah membelanjakan RM271,000 untuk tujuan ini.

Berdasarkan profil komposisi penduduk semasa, Malaysia akan menjadi sebuah negara menua menjelang 2035. Bagi memastikan tempat warga emas berinteraksi dan bersosial dalam masyarakat mencukupi, Kerajaan telah menubuhkan pusat warga emas iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sebanyak lima pusat baharu telah dibina sebagai tambahan kepada 45 pusat lain di seluruh negara. Sehingga bulan

Jun 2015, RM1.5 juta telah disalurkan kepada pusat sedia ada. Di samping itu, Unit Khas Penyayang Warga Emas telah ditubuhkan di lapan PAWE dan tiga rumah warga emas bagi menyediakan pengangkutan percuma ke hospital, klinik dan tempat awam lain.

Sistem prasekolah berkualiti tinggi adalah penting untuk memupuk pemimpin berpotensi pada masa hadapan. Ke arah ini, Kerajaan meningkatkan kadar enrolmen prasekolah melalui pelbagai inisiatif. Kerajaan telah mengagihkan RM345.7 juta, termasuk pemberian kepada sektor swasta, bagi penubuhan prasekolah. Selaras dengan hasrat untuk menyediakan pendidikan awal yang berkualiti tinggi di Tabika KEMAS dan TASKA Permata KEMAS, 367 guru siswazah dan 9,939 pembantu guru dilantik. Sehingga bulan Jun 2015, terdapat 219,224 kanak-kanak prasekolah belajar di Tabika KEMAS dan 8,628 di Taska Permata KEMAS, dengan RM68.4 juta telah dibelanjakan. Di samping itu, terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dengan 40,000 kanak-kanak dan 41 Tabika Permata Perpaduan dengan 900 kanak-kanak. Sehingga bulan Julai 2015, RM98 juta telah dibelanjakan. Sementara itu, 88 Pusat Anak Permata Negara (PAPN) beroperasi dengan 2,593 pelajar dan 468 guru. Lima³ lagi PAPN akan ditubuhkan pada bulan November 2015. Sehingga bulan Jun 2015, RM24.1 juta telah dibelanjakan.

Pemilikan Rumah

Bagi menangani isu pemilikan rumah mampu milik, pelbagai program dan projek dilaksanakan. Ini termasuk Program Perumahan Rakyat 1Malaysia di bawah Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang menyasarkan untuk membina 210,000 rumah menjelang 2018 dengan harga antara RM100,000 dan RM400,000. Bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada inisiatif ini, had pendapatan isi rumah telah dilonggarkan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Sehingga bulan Ogos 2015, sejumlah 560 unit rumah telah disiapkan, manakala 41,263 unit rumah sedang dalam pembinaan dan 120,751 unit rumah pada peringkat perancangan. Sehingga bulan Ogos 2015, RM1.2 bilion telah dibelanjakan untuk program ini.

Bagi menampung keperluan perumahan kumpulan berpendapatan rendah dan penempatan semula setinggan, Kerajaan melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) menyediakan pilihan kepada rakyat untuk membeli atau menyewa rumah PPR. Sehingga bulan Ogos 2015, RM209.6 juta telah dibelanjakan untuk membina 15,996 unit rumah, di mana 4,266 unit rumah untuk disewa dan 11,730 unit rumah untuk dijual.

Kerajaan juga terus melaksanakan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak memiliki rumah atau tinggal di rumah usang atau memiliki tanah tanpa sumber kewangan mencukupi untuk membina rumah. Sehingga bulan Ogos 2015,

sejumlah 2,183 rumah sedang dalam pembinaan dengan kos RM142.2 juta. Sementara itu, di bawah program Rumah Idaman Rakyat, 6,296 rumah akan dibina di seluruh negara dengan 60% akan dijual pada harga di bawah RM250,000 dan 40% antara RM250,000 dan RM350,000. Projek ini menyasarkan kumpulan berpendapatan sederhana dan pembeli kali pertama. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 1,801 unit⁴ sedang dalam pembinaan. Di samping itu, Rumah Aspirasi Rakyat memberi peluang kepada belia untuk memiliki rumah pada harga diskaun di kawasan bandar dan luar bandar. Sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 22 projek sedang dijalankan terdiri daripada 11,872 unit dengan anggaran kos RM2.6 bilion. Bagi membolehkan belia memiliki rumah pertama, terutamanya belia baru bekerja, Kerajaan telah menambah baik terma dan syarat Skim Rumah Pertamaku. Ini termasuk meningkatkan had umur pembeli yang layak daripada 35 tahun kepada 40 tahun dan menetapkan harga jualan maksimum rumah pada RM500,000 berbanding RM400,000 sebelum ini tanpa wang pendahuluan. Sehingga bulan Julai 2015, sejumlah 463 pinjaman bernilai RM100.2 juta telah diluluskan.

Fasiliti dan Infrastruktur Luar Bandar

Kerajaan komited menyedia dan menaik taraf fasiliti dan infrastruktur luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak. Sehingga bulan Ogos 2015, jalan luar bandar sepanjang 318.6 kilometer telah siap dengan kos RM618.6 juta. Bagi meningkatkan penyambungan dan tempoh bekalan elektrik, Kerajaan berjaya menyediakan bekalan elektrik 24-jam kepada 4,957 rumah dengan perbelanjaan sebanyak RM401.8 juta. Manakala, sejumlah 4,751 rumah telah dibekalkan dengan air bersih dengan kos berjumlah RM156 juta.

Pelan Induk Air Kebangsaan

Kekurangan air dan isu yang berkaitan dengan Air Tidak Berhasil (NRW) adalah sebahagian kebimbangan utama Kerajaan. Untuk menangani masalah ini, Kerajaan telah memulakan pelaksanaan Pelan Induk Air Kebangsaan bagi memastikan bekalan air mampan jangka masa panjang. Di Lembah Klang, usaha sedang diambil untuk meningkatkan bekalan air terawat, menaik taraf loji rawatan dan fasiliti lain. Dalam hal ini, Loji Rawatan Langat 2 dengan kapasiti 1,130 juta liter sehari, bernilai RM4 bilion sedang dalam pembinaan bagi mengatasi kekurangan bekalan air. Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk menubuhkan zon kawalan kebocoran serta menjalankan penggantian saluran paip lama untuk mengurangkan peratus kehilangan NRW. Sehingga bulan Ogos 2015, 50% daripada projek NRW telah siap dengan kos RM65 juta.

Keamanan dan Keselamatan

Kerajaan akan menambahkan bilangan anggota polis, rondaan polis dan membina lebih banyak balai polis untuk meningkatkan keselamatan awam di negara ini.

³ PAPN baharu di Subang (Selangor), Lumut (Perak), Jeram (Selangor), Langkawi (Kedah) dan Kuala Krai (Kelantan).

⁴ Unit rumah terletak di Semeling (Kedah), Ulu Kinta (Perak), Jasin (Melaka), Chaah (Johor) dan Bentong (Pahang).

Dalam hal ini, seramai 6,000 anggota polis telah direkrut. Beberapa balai polis baharu termasuk ibu pejabat dan pusat latihan sedang dibina di Johor, Sabah, Sarawak, Selangor, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak. Sehingga bulan Julai 2015, RM245.3 juta telah dibelanjakan untuk semua projek ini. Bagi meningkatkan kecekapan dalam pencegahan jenayah, tambahan 818 motosikal telah diperoleh dengan kos RM15.1 juta. Di samping itu, Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program pengurangan jenayah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), termasuk meningkatkan bilangan kamera televisyen litar tertutup (CCTV) di pihak berkuasa tempatan, program mencegah kecurian kenderaan, program mengurangkan jenayah jalanan, Rakan Cop, Kaunseling Triaj dan Program *Feet on Street* untuk meningkatkan kehadiran polis. Sehingga bulan Ogos 2015, RM25.3 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ditubuhkan untuk turut membantu pasukan keselamatan dalam menegakkan undang-undang dan peraturan. Peranan RELA sedang dipertingkatkan melalui program latihan dan pembinaan kapasiti. Sehingga bulan Ogos 2015, lapan program termasuk Pengurusan Krisis, Pengendalian Senjata Api dan Kursus Kepimpinan telah dilaksanakan yang melibatkan RM6.3 juta.

Pusat Percetakan Al-Quran

Kompleks Nasyrul Quran, pusat percetakan Al-Quran kedua terbesar di dunia telah dilancarkan pada bulan Julai 2015 di Putrajaya. Apabila siap dibina pada bulan Disember 2016, pusat ini akan mempunyai kapasiti mencetak tiga juta salinan setahun dengan 40% pengeluarannya akan diagihkan ke luar negara seperti China, Kazakhstan, Kemboja dan Rusia. Sehingga bulan Julai 2015, RM11 juta telah dibelanjakan bagi kerja infrastruktur.

Perumahan Penjawat Awam

Kerajaan komited meningkatkan fasiliti perumahan kepada penjawat awam. Di bawah Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), 10,905 unit sedang dalam pembinaan di beberapa lokasi termasuk di Bukit Jalil (Kuala Lumpur), Papar (Sabah) dan Bukit Pinang (Kedah), manakala 7,872 unit akan dibina di Putrajaya. Di samping itu, sehingga bulan Ogos 2015, Kerajaan telah membelanjakan RM33.3 juta untuk membaiki dan menyelenggara kuarters tentera, polis, guru dan staf perubatan di seluruh negara termasuk inisiatif di bawah Program *MyBeautiful Malaysia*.

Bantuan Rakyat 1Malaysia

Kerajaan terus melaksanakan program khas Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah. Pada tahun 2015, Kerajaan menaikkan amaun BR1M daripada RM650 kepada RM950 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah serta daripada RM450 kepada RM750 untuk isi rumah berpendapatan sederhana antara RM3,001 dan RM4,000 sebulan. Bayaran BR1M dibuat secara tiga

kali pada bulan Januari, Mei dan September 2015. Di samping itu, BR1M untuk individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan bulanan di bawah RM2,000 telah dinaikkan daripada RM300 kepada RM350. Sehingga bulan Ogos 2015, RM3.5 bilion telah dibelanjakan, memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang. Sementara itu, pada tahun 2015, Kerajaan menggantikan insurans takaful berkelompok (i-BR1M) dengan Skim Khairat Kematian bagi melayakkan waris penerima BR1M menerima RM1,000 sekiranya berlaku kematian.

Pengurusan Ekonomi - 2016

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang kukuh, terutamanya disokong oleh permintaan domestik. Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi ekonomi pada tahun 2015 dijangka berterusan pada tahun 2016. Secara khususnya, peningkatan ketidakstabilan pasaran kewangan, penurunan harga komoditi, pengukuhan dolar AS dan pertumbuhan perlahan ekonomi China, dijangka memberi kesan secara langsung dan tidak langsung ke atas ekonomi Malaysia, menerusi perdagangan dan kewangan. Ekoran daripada perkembangan ini, cabaran bagi Malaysia adalah untuk meningkatkan lagi daya tahan ekonomi domestik di samping memastikan kemapanan kewangan awam.

Isu dan Cabaran

Persekitaran Luaran

Pertumbuhan global dijangka kekal sederhana pada tahun 2016 dengan peningkatan sederhana daripada 3.1% pada tahun 2015 kepada 3.6% pada tahun 2016. Pertumbuhan KDNK negara maju diunjur meningkat 2.2% (2015: 2%), terutama diterajui oleh AS. Dalam pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun, KDNK dijangka meningkat kepada 4.5% (2015: 4%) berikutan kemajuan secara beransur khususnya di Rusia dan Brazil. Walau bagaimanapun, risiko masih lagi tinggi termasuk pelaksanaan normalisasi dasar monetari AS, pengukuhan berterusan dolar AS, harga komoditi yang rendah, keseimbangan pertumbuhan lebih rendah daripada jangkaan di China dan ketegangan geopolitik, terutamanya di Timur Tengah. Oleh itu, sumbangan sektor luaran kepada ekonomi Malaysia dijangka kekal sederhana pada tahun 2016, dengan akaun semasa mencatat lebihan yang rendah dalam julat 0.5% – 1.5% daripada GNI. Berdasarkan situasi ini, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia akan bergantung kepada permintaan domestik bagi membolehkan negara kekal pada landasan pertumbuhan yang terus kukuh.

Ekonomi Domestik

Penggunaan swasta adalah komponen terbesar dalam permintaan domestik menyumbang 3.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar dalam tempoh H1 2015.

Pengembangan penggunaan swasta yang lebih sederhana bagi tempoh H1 2015 disebabkan pengguna mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat' serta merancang perbelanjaan sebagai langkah penyesuaian kepada pelaksanaan GST. Berikutan sentimen yang lemah, dalam tempoh yang sama, beberapa penunjuk penggunaan swasta mencatat pertumbuhan lebih perlahan. Bilangan pengangguran juga meningkat terutamanya berikutan kekosongan jawatan yang semakin mengecil serta pemberhentian pekerja. Sementara itu, pertumbuhan upah seperti diukur oleh agregat upah benar dalam sektor pembuatan, berkembang sederhana sebanyak 2.3% pada suku kedua (Q2) tahun 2015 (Q1 2015: 5.3%).

Pelaburan swasta mencapai rekod tertinggi sebanyak RM183.9 bilion pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, 81% adalah daripada sumber domestik manakala selebihnya pelaburan langsung asing (FDI). Aliran positif pelaburan swasta berterusan dalam tempoh H1 2015 dengan jumlahnya mencapai RM108.5 bilion. Pencapaian ini adalah hasil pelbagai inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan swasta. Namun begitu, masih wujud isu dan cabaran. Cabaran dalam menggalakkan pelaburan swasta termasuk peningkatan persaingan global, kekurangan kapasiti inovasi dan perniagaan yang sofistikated serta kualiti pendidikan, penyelidikan dan pembangunan tidak mencukupi, serta produktiviti buruh dan produktiviti faktor keseluruhan yang rendah.

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama ekonomi dan penyedia peluang pekerjaan. Pada tahun 2014, sektor ini menyumbang 54% daripada KDNK, 15% daripada jumlah eksport negara dan menyediakan lapan juta pekerjaan. Sektor ini dijangka menyumbang 56.5% daripada KDNK, 19% daripada eksport dan menyediakan 9.3 juta peluang pekerjaan menjelang 2020. Bagi mencapai sasaran ini, beberapa isu penting perlu ditangani, termasuk kekurangan dan ketidaksepadanan kemahiran. Ini ditambah pula dengan kekurangan akses kepada *soft technology* dan adaptasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang rendah, terutamanya dalam kalangan PKS. Bagi sektor pembuatan, walaupun sektor ini telah melalui kemajuan pesat selama lebih tiga dekad, majoriti pengeluar terus memberi tumpuan kepada operasi pemasangan. Ketidakupayaan untuk bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi adalah disebabkan terlalu bergantung kepada tenaga buruh tidak mahir yang bergaji rendah. Kajian menunjukkan bahawa tenaga buruh kurang mahir yang mudah didapati adalah sebahagian daripada faktor keengganan PKS melabur dalam teknologi dan bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi. Walaupun terdapat insentif, geran dan sokongan pembiayaan, pengeluar tidak mengoptimalkan peluang untuk bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi. Begitu juga, sektor pertanian berterusan bergantung kepada pekerja asing kurang mahir menyebabkan penggunaan teknologi dan pelaksanaan amalan terbaik yang rendah. Ini mengakibatkan produktiviti dan daya saing yang rendah. Dalam sektor pembinaan, syarikat terus menghadapi kekurangan tenaga kerja termasuk pekerja mahir. Masalah ini semakin meruncing dengan penyertaan rendah

rakyat Malaysia yang umumnya, menghindari pekerjaan kotor, sukar dan bahaya (3D).

Sektor eksport telah mencapai kemajuan besar dalam mengembangkan kombinasi produk, mengekalkan pasaran tradisional dan bertapak kukuh dalam pasaran baharu dan pesat berkembang. Walau bagaimanapun, kebimbangan utama ialah ketidakupayaan pengeksporn tempatan untuk mengukuhkan kewujudan dalam rantai nilai global, terutamanya bagi teknologi terkini dan kawasan pertumbuhan baharu. Tambahan pula, perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada yang tidak digunakan sepenuhnya, kekurangan motivasi untuk menggunakan automasi secara meluas dan menambah baik teknologi serta kekurangan tenaga kerja mahir adalah antara faktor yang menghalang eksport bernilai tinggi.

Modal Insan

Modal insan merangkumi pengetahuan, bakat, kemahiran, kebolehan, pengalaman, kepintaran, latihan, penilaian dan kebijaksanaan secara individu dan kolektif rakyat, merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun pelaburan besar telah dibuat dalam pendidikan dan latihan kemahiran, cabaran masih wujud, terutama isu berkaitan pendidikan berkualiti, penguasaan Bahasa Inggeris, bakat yang diperlukan industri, penghijrahan keluar bakat, kompetensi, kemahiran insaniah, ketidakpadanan kemahiran dan sering bertukar kerja.

Sistem pendidikan telah memberi sumbangan cemerlang ke arah negara berpendapatan sederhana tinggi. Namun, kajian menunjukkan bahawa pencapaian pelajar Malaysia dalam bidang sains dan matematik telah merosot. Sementara itu, majikan mempersoalkan mengenai kekurangan penguasaan Bahasa Inggeris dan keyakinan diri serta lemah dalam kemahiran insaniah seperti komunikasi, kreativiti, inovasi, kerja berpasukan dan kepimpinan dalam kalangan pekerja Malaysia.

Berikutan beberapa inisiatif oleh Kerajaan, kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat kepada 53.6% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, ia kekal rendah berbanding dengan negara serantau lain seperti Hong Kong (54.6%) dan Singapura (58.6%). Antara masalah yang dihadapi oleh wanita, termasuk waktu kerja tidak fleksibel, kurang peluang kembali bekerja dan peluang yang tidak mencukupi untuk kemajuan kerjaya ke jawatan strategik dan tertinggi dalam organisasi.

Kebimbangan lain ialah bilangan pekerja asing yang ramai dalam ekonomi dan kebergantungan tinggi industri kepada mereka. Terdapat dakwaan bahawa bilangan pekerja asing tidak mahir yang ramai mendorong majikan membayar upah yang lebih rendah dengan latihan minimum dan insentif yang sedikit telah mengakibatkan penurunan produktiviti keseluruhan. Selain itu, pengambilan pekerja asing yang mudah tidak menggalakkan industri untuk melabur dalam automasi dan menaik taraf peralatan sedia ada dan teknologi.

Akibatnya, faktor ini telah memberi kesan negatif kepada produktiviti buruh. Walaupun tahap produktiviti di Malaysia telah meningkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), tahap tersebut masih jauh ketinggalan berbanding negara berpendapatan tinggi. Laporan menunjukkan bahawa produktiviti buruh di Malaysia adalah 32% berbanding AS dan 56% berbanding Korea Selatan. Keupayaan Malaysia untuk meningkatkan produktiviti buruh bergantung kepada sejauh mana negara mampu memperoleh kecekapan yang lebih besar daripada sumber dalaman, terutamanya modal insan, inovasi dan kecekapan operasi.

Kesejahteraan Rakyat

Secara keseluruhan, semua program, projek dan inisiatif Kerajaan dirancang untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Rakyat hari ini menikmati perkhidmatan dan fasiliti awam yang lebih baik, termasuk penjagaan kesihatan, pengangkutan, pendidikan, serta keamanan dan keselamatan awam. Meskipun usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan fasiliti sedang dilaksanakan, rakyat terus menghadapi beberapa isu dan cabaran dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi tempoh 2011 hingga 2014, inflasi kekal sederhana pada kadar purata 2.5% setahun. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, inflasi berada pada 1.9% (Januari — Ogos 2014: 3.3%). Walaupun inflasi kekal rendah, kenaikan harga, terutama makanan dan minuman bukan alkohol, akan memberi kesan kepada kesejahteraan kumpulan berpendapatan rendah dan mudah terjejas.

Perumahan mampu milik adalah satu lagi kebimbangan utama rakyat. Harga rumah telah naik menjangkau luar kemampuan kebanyakan lapisan masyarakat. Harga hartanah kediaman, terutama di lokasi pilihan seperti Kuala Lumpur dan bandar utama di Johor dan Selangor meningkat 9.9% setahun sejak 2010. Terdapat beberapa faktor asas yang menyebabkan kenaikan harga. Ini termasuk kenaikan kos bahan binaan, ketidakpadanan permintaan dan penawaran, terutama bagi rumah kos rendah dan sederhana di kawasan bandar, aktiviti spekulasi serta pengurusan projek yang lemah menyebabkan projek tertangguh dan terbengkalai.

Penggunaan air di Malaysia adalah tinggi dan meningkat setiap tahun akibat pertumbuhan penduduk, urbanisasi dan pengembangan aktiviti ekonomi. Pada tahun 2013, sebanyak 95.1% daripada penduduk menerima bekalan air terawat dengan kebanyakan kawasan bandar mencatat liputan lebih 99%. Walau bagaimanapun, bagi Kelantan, Sabah dan Sarawak liputan bekalan kekal di bawah 80%, dengan Kelantan mencatatkan 63.4%. Liputan bekalan air yang rendah disebabkan faktor geografi seperti muka bumi yang mencabar dan kawasan pedalaman serta kecenderungan menggunakan sumber alternatif. Walaupun data menunjukkan liputan bekalan air adalah sangat baik di kawasan bandar, namun begitu, beberapa negeri pada tahun kebelakangan ini mengalami gangguan bekalan air, terutamanya pada waktu puncak.

Sistem pengangkutan awam bertaraf dunia adalah penting bagi membolehkan pergerakan efisien penduduk dan barangan dalam menuju negara maju berpendapatan tinggi. Walaupun pelbagai inisiatif Kerajaan untuk menambah baik pengangkutan awam, pengguna jalan raya masih menghadapi masalah kesesakan lalu lintas di bandar besar dan sederhana, kekurangan perhubungan dan tahap kepuasan orang ramai yang rendah terhadap perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada.

Keamanan dan keselamatan awam adalah penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Pelbagai program pencegahan jenayah telah dilaksanakan bagi mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Hasilnya, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar jenayah lebih 40% dalam lima tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, Indeks Persepsi Keselamatan menunjukkan persepsi rakyat berasa selamat kekal rendah, iaitu pada 39%. Tambahan pula, jenayah semakin kompleks dan canggih dengan kemunculan cabaran baharu, terutama melalui media sosial.

Insiden kemiskinan telah berkurangan kepada 0.6% pada tahun 2014 (2012: 1.7%) dengan Sabah mencatatkan penurunan ketara kepada 4% (2012: 8.1%). Walau bagaimanapun, Pahang, Perak, Sarawak, Kelantan, Labuan dan Sabah, mencatat kadar kemiskinan melebihi paras nasional. Tambahan pula, di sebalik penurunan insiden kemiskinan dari 1% pada tahun 2012 kepada 0.3% pada tahun 2014 di kawasan bandar, kira-kira 63% daripada 2.7 juta isi rumah B40⁵ tinggal di kawasan ini. Kumpulan B40 bergantung kepada bantuan kerajaan adalah paling mudah terjejas kepada sebarang kejutan ekonomi. Selain itu, 26.3% daripada rakyat Malaysia atau 7.9 juta orang tinggal di kawasan luar bandar di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak, dengan tahap akses kepada kawasan peri-bandar, infrastruktur, kemudahan sosial dan peluang ekonomi yang pelbagai. Keadaan ini menunjukkan kepentingan untuk menggalakkan keterangkuman dan pembangunan seimbang dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Inisiatif Strategik – Bajet 2016

Faktor luaran dan dalaman memberi cabaran yang besar ketika negara berusaha untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Untuk mengatasi cabaran ini, terdapat keperluan untuk memperkukuh daya tahan domestik bagi membolehkan negara mengambil manfaat pemulihan apabila ekonomi global bertambah baik. Dalam hal ini, Bajet 2016 akan memberi tumpuan kepada pengukuhan daya tahan ekonomi, memastikan keterangkuman, memperkasa modal insan, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau serta menjamin kesejahteraan rakyat. Program dan peruntukan pada tahun 2016, akan berpandukan kepada ekonomi keperluan rakyat manakala konsep dan pelaksanaan program akan memberi tumpuan kepada nilai inovasi, iaitu pelaksanaan program secara pantas, berkos rendah dan berimpak tinggi.

⁵ Isi rumah B40 merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah sehingga RM3,855 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

Sisipan 3

Program eRezeki

Latar Belakang

Objektif utama Program eRezeki adalah untuk mempercepat penyertaan B40 dalam ekonomi digital, dengan membolehkan mereka untuk mendapatkan pendapatan tambahan melalui cara digital, terutamanya peluang yang ditawarkan oleh model *crowdsourcing*. Melalui program ini, peserta B40 akan diprofil, dilatih dan dinilai keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas digital mikro di pasaran tempatan dan antarabangsa. Walaupun tugas mikro yang mudah, seperti kesederhanaan foto dan kategori imej, secara umumnya sesuai untuk kumpulan B40, nilai dan kepakaran yang lebih tinggi boleh diperkenalkan kepada mereka yang mempunyai kelayakan tinggi, termasuk pekerja yang tidak mengguna pakai kemahiran sebenar dan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Peserta

Peserta akan dipilih daripada kumpulan isi rumah B40. Memandangkan program ini berkaitan penggunaan teknologi digital dengan cara yang produktif, kumpulan sasar B40 dibahagikan seperti berikut:

- Celik *IT* dan mempunyai kemahiran
Contoh seperti siswazah menganggur, pekerja yang tidak mengguna pakai kemahiran sebenar, ibu bapa tunggal dan pesara.
- Celik *IT* dan kurang mahir
Contoh seperti pekerja kolar biru, pekerja kilang, suri rumah dan orang kurang upaya.
- Buta *IT* dan kurang mahir
Contoh seperti buruh, petani tradisional dan nelayan.

Aktiviti Utama

Aktiviti utama di bawah program eRezeki adalah seperti berikut:

- eRezeki *Outreach*: program jangkauan yang disasarkan melalui rakan saluran seperti pemimpin masyarakat, persatuan, universiti dan kolej (contoh: UiTM, UTM, Kolej Komuniti), yayasan, dan kerajaan negeri;
- Digital *Worker Recruitment*: Proses untuk melatih, menilai dan melayakkan B40 untuk menjadi pekerja digital dan sedang dijalankan terutamanya di Pusat eRezeki; dan
- Digital *Worker On-boarding: Internship* dan tempoh eksperimen di mana pekerja B40 berkelayakan yang memerlukan bimbingan akan dipantau dalam tempoh masa yang tertentu sehingga mereka terus mampu melakukan dan menyampaikan kualiti kerja yang baik.

Pusat eRezeki sedang diwujudkan di lokasi yang strategik iaitu Alor Setar, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur bagi menangani cabaran teknologi yang dihadapi oleh B40 ini. Pusat ini berfungsi sebagai pusat sehenti yang boleh diakses oleh B40 bagi menjalankan aktiviti utama seperti di atas. Program eRezeki dijangka melatih 35,000 peserta B40 pada tahun 2018.

	2016	2017	2018
Bilangan peserta baharu B40 terlatih dan berkelayakan	16,000	20,000	35,000
Bilangan B40 meningkat pendapatan	20,000	40,000	80,000
Tambahan pendapatan (RM)	33 juta	80 juta	230 juta
Anggaran bajet (RM)	11.5 juta	10.7 juta	13 juta

Bajet ini akan digunakan terutamanya untuk program jangkauan, profiling, latihan, penilaian dan kelayakan B40 sebagai pekerja digital di seluruh negara. Sebahagian daripada bajet akan digunakan untuk aktiviti pemasaran dan pencarian sumber permintaan projek digital yang bersesuaian dari luar negara.

Pencapaian (sehingga 30 September 2015)

Tarikh pelancaran	17 Jun 2015
Bilangan B40 peserta yang berdaftar	18,000 peserta
Bilangan pusat eRezeki	5 buah
Bilangan B40 meningkat pendapatan	9,500 peserta
Nilai terkumpul pendapatan	RM7.5 juta

Memperkukuh Daya Tahan Ekonomi

Mengambil kira persekitaran luaran yang lemah, Kerajaan akan melaksanakan dasar bagi mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi domestik. Sehubungan ini, inisiatif akan diambil untuk meningkatkan penggunaan melalui peningkatan pendapatan boleh guna dengan mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan menangani peningkatan kos sara hidup. Dari aspek pelaburan, inisiatif akan diambil untuk meningkatkan keyakinan pelabur melalui penyediaan persekitaran yang kondusif agar pelaburan terus berkembang. Usaha menarik FDI akan terus dipergiat dengan menyasarkan industri bernilai tambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Dari aspek pelaburan domestik pula, PKS akan dibimbing dan digalakkan untuk melabur dalam teknologi, mengoptimum peluang untuk bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi dan mengambil bahagian secara aktif dalam rantai penawaran global. Kerajaan akan terus memperuntukkan dana untuk projek pelaburan awam secara berhemat seperti yang diperuntukkan di bawah RMKe-11.

Bagi mengekalkan peranan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan, Kerajaan akan mempercepat pelaksanaan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan serta Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan. Dalam sektor perkhidmatan, lebih banyak penekanan akan diberi kepada pembangunan industri berintensiti pengetahuan tinggi dan mempunyai jaringan meluas dengan keseluruhan ekonomi serta industri yang menjana pekerjaan berpendapatan tinggi. Di samping itu, sektor pembuatan akan beralih kepada sektor yang menggunakan automasi secara meluas dan tenaga kerja mahir. Daya saing produk dan perkhidmatan Malaysia akan terus ditingkatkan melalui usaha gigih bagi membina jenama bertaraf global untuk menembusi pasaran eksport. Selain itu, inisiatif yang dipersetujui oleh Majlis Eksport Negara (NEC) akan dipercepat untuk memanfaatkan persekitaran luaran yang semakin baik. Inisiatif proaktif ini akan menempatkan syarikat Malaysia untuk memperoleh faedah optimum daripada perjanjian perdagangan yang membuka pasaran baharu kepada perniagaan domestik.

Pembangunan lima wilayah koridor ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah akan terus dipergiat bagi mentransformasikan koridor ini menjadi kawasan pelaburan strategik. Kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur serta meningkatkan bakat dan kemahiran rakyat untuk memenuhi peningkatan permintaan daripada wilayah koridor ekonomi.

Memasti Keterangan

Dalam usaha untuk menggalakkan keterangan dan pembangunan seimbang, Kerajaan akan meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat, termasuk di Sabah dan Sarawak. Bagi meningkatkan pergerakan rakyat dan barangan, Kerajaan akan membina Lebuhraya Pan-Borneo

meliputi 1,090-km di Sarawak dan 706-km di Sabah. Kerajaan akan berusaha meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah B40 dan M40⁶ dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menggalakkan keusahawanan. Tambahan pula, sokongan pendapatan diteruskan melalui jaringan keselamatan sosial. Begitu juga, program keusahawanan akan diperkukuh di kawasan luar bandar. Selain itu, Kerajaan akan terus memperluas penyediaan utiliti seperti air dan elektrik ke kawasan luar bandar serta membina lebih banyak jalan kampung untuk meningkatkan perhubungan dan mobiliti. Kerajaan juga memberi penekanan dan mengukuhkan program berasaskan keperluan terutama untuk belia, wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU. Agenda Bumiputera akan terus dipertingkatkan untuk mengukuhkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi melalui beberapa inisiatif termasuk memperkasa modal insan, meningkatkan pemilikan ekuiti korporat dan kekayaan serta keberkesanan program berteraskan Bumiputera.

Memperkasa Modal Insan

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan modal insan bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian. Bagi tujuan ini, sistem pendidikan akan terus ditambah baik dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris untuk meletakkan pelajar Malaysia setaraf dengan pelajar antarabangsa. Tambahan pula, bagi memenuhi keperluan industri, usaha akan dipergiat untuk memperkukuh kualiti dan kuantiti graduan TVET dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Beberapa inisiatif akan diperkenal untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS). Sementara itu, Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) akan ditambah bagi memudahkan latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja.

Meningkat Produktiviti, Inovasi dan Teknologi Hijau

Kerajaan komited untuk meningkatkan produktiviti melalui penambahan pengetahuan, serta penggunaan inovasi dan teknologi. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus menggalakkan program latihan semula dan peningkatan kemahiran untuk menambah produktiviti buruh. Sementara itu, untuk membantu perniagaan, terutamanya PKS, Kerajaan akan terus membiayai Skim Jaminan Modal Kerja, Dana Strategik Pelaburan Domestik dan Dana Projek Berimpak Tinggi. Kerajaan juga komited untuk melindungi alam sekitar. Bagi tujuan ini, Kerajaan menyasarkan pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau kepada 40% daripada KDNK menjelang 2020. Inisiatif lain termasuk pemuliharaan sumber asli, meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam, mempromosi tenaga boleh diperbaharui dan menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga.

⁶ Isi rumah M40 merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan dalam julat RM3,860 dan RM8,319 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

Menjamin Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan akan terus melaksanakan pendekatan holistik untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Bagi memenuhi keperluan rumah kepada rakyat, Kerajaan akan menyediakan fasiliti pembiayaan secukupnya kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana serta meluaskan program perumahan sewa beli kepada kumpulan berpendapatan rendah. Di samping itu, sektor swasta akan digalakkan untuk berperanan lebih besar dalam pembinaan dan penyelenggaraan rumah mampu milik. Bajet 2016 juga akan menambah baik akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan membina dan menaik taraf lebih banyak klinik kesihatan dan Klinik 1Malaysia. Sementara itu, bagi memudahkan pergerakan rakyat dan barangan, Kerajaan akan terus membangunkan sistem pengangkutan awam dengan mengukuhkan perhubungan antara mod pengangkutan awam dan kawasan serta meningkatkan kekerapan dan ketepatan masa perkhidmatan.

Bagi memastikan keamanan dan keselamatan rakyat terjamin, Kerajaan akan meningkatkan usaha membanteras jenayah. Kehadiran polis akan ditingkatkan melalui penempatan semula lebih ramai anggota polis serta meningkatkan kapasiti dan keupayaan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Di samping itu, untuk menggalakkan kesedaran jenayah dalam masyarakat, pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan NGO akan diguna pakai. Pada masa yang sama, untuk mengukuhkan kawalan sempadan, Kerajaan akan terus menaik taraf aset keselamatan serta meningkatkan keberkesanan program berkaitan ATM dan APMM.

Prospek 2016

Ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada tahun 2016 dengan mencatat pertumbuhan KDNK benar antara 4% – 5%, diterajui oleh permintaan domestik. Perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan penggunaan swasta dijangka berkembang 6.4%, manakala pelaburan swasta sebanyak 6.7%. Sementara itu, perbelanjaan Kerajaan diunjur berkembang walaupun pada kadar sederhana, sejajar dengan usaha untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. Dari segi penawaran, pertumbuhan ekonomi dijangka lebih menyeluruh, dengan semua sektor mencatat pertumbuhan positif. Kedudukan luaran Malaysia pula, dijangka kekal positif disokong dengan jangkaan prestasi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang lebih baik.

Berdasarkan situasi ini, GNI nominal per kapita dijangka meningkat 5.6% daripada RM36,397 pada tahun 2015 kepada RM38,438 pada tahun 2016. Dengan jumlah pelaburan melebihi simpanan, jurang tabungan pelaburan dijangka mengecil antara 0.5% – 1.5% daripada GNI.

Ekonomi akan terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kekal di bawah 4%. Walaupun nilai ringgit menyusut, inflasi dijangka kekal rendah disumbang oleh harga minyak mentah yang rendah dan kesan GST yang mereda. Pada tahun 2016, inflasi diunjur berada dalam lingkungan 2% – 3%. Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan konsolidasi fiskal. Defisit fiskal pula dijangka terus berkurang kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016 (2015: 3.2%) manakala tahap hutang Kerajaan Persekutuan dijangka kekal terkawal dalam had berhemat 55% daripada KDNK.

Sisipan 1

Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (Pusat MYXpats)

Transformasi Perkhidmatan Imigresen Ekspatriat

Dialog bersama industri pada masa lalu telah membangkitkan isu perkhidmatan imigresen bagi ekspatriat mahir yang tidak mesra pelanggan, memerlukan banyak kertas kerja dan tempoh kelulusan yang tidak konsisten, iaitu sering mengambil masa lebih daripada sebulan. Susulan daripada transformasi ekonomi yang memerlukan kemahiran khusus yang kadang kala tidak dapat diperolehi daripada tenaga kerja tempatan, terdapat keperluan penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan imigresen untuk ekspatriat mahir adalah cekap.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah bekerjasama untuk memberikan perkhidmatan berorientasikan pelanggan; proses permohonan sepenuhnya secara dalam talian dan tempoh kelulusan yang lebih cepat. Sebelum ini, JIM berfungsi dengan berorientasikan produk di mana Pas Penggajian, Pas Lawatan Profesional dan Pas Lawatan Sosial yang diperlukan oleh ekspatriat dikendalikan oleh jabatan yang berbeza di JIM.

- **Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat**

Pada bulan Jun 2014, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD), satu transformasi ke arah pendekatan yang lebih mengutamakan pelanggan; semua perkhidmatan imigresen yang berkaitan dengan ekspatriat mahir dikendalikan oleh ESD.

- **Meningkatkan Permohonan Secara Dalam Talian**

Terdahulu, semua permohonan Pas Penggajian dibuat secara manual dan majikan dikehendaki mengemukakan maklumat syarikat bagi setiap permohonan. Dengan pelancaran ESD, majikan hanya perlu memuatnaik dokumen syarikat mereka sekali sahaja semasa mendaftar secara dalam talian. Sehingga kini, lebih 7,000 majikan telah berdaftar, dan lebih 42,000 permohonan Pas Penggajian telah diproses.

- **Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (Pusat MYXpats)**

Pusat MYXpats telah beroperasi sepenuhnya sejak bulan Jun 2015, hasil kerjasama TalentCorp dan JIM. Pusat MYXpats telah ditubuhkan dengan piagam pelanggan untuk memproses semua permohonan Pas Penggajian yang dikemukakan secara dalam talian oleh majikan yang berdaftar dengan ESD dalam tempoh lima hari bekerja. Sehingga kini, lebih 80% permohonan telah diluluskan mengikut piagam pelanggan.

Melangkah Ke Hadapan

Pembukaan Pusat MYXpats menandakan satu lagi pencapaian penting bagi memudahkan ekspatriat terbaik untuk pelabur utama dan majikan. Melalui kerjasama, pengalaman kolektif dan pengetahuan tiga agensi tersebut, Pusat MYXpats dapat menawarkan perkhidmatan memproses permohonan ekspatriat dengan efisien dan mengutamakan pelanggan.

Sumber: Talent Corporation Malaysia Berhad.

Memantap Profesionalisme Perguruan dan Prestasi Sekolah

Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Daerah untuk memperkasa Pegawai Pendidikan Daerah dengan menyediakan sokongan pengajaran kepada pengetua dan guru. Selain itu, untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pencapaian pelajar, lebih 1,200 jawatan *School Improvement Specialist Coaches+* (SISC+) dan 339 jawatan *School Improvement Partners+* (SIPartners+) telah diwujudkan. Sehingga bulan Ogos 2015, lebih 1,100 SISC+ dan 300 SIPartners+ telah dilantik. Kedua-dua jawatan ini telah membantu lebih 39,000 guru melalui sesi bimbingan dan mentor. Sehingga bulan Ogos 2015, RM14.2 juta telah dibelanjakan bagi program ini.

Mengupaya Program Sekolah Amanah dan Pembinaan Sekolah Baharu

Kerajaan telah memperluas Program Sekolah Amanah di bawah inisiatif Perkongsian Awam-Swasta. Melalui program ini, Kerajaan menyediakan dana dan sumber untuk operasi harian, manakala pihak swasta menyumbang sumber tambahan untuk meningkatkan pencapaian dan kualiti pelajar. Sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 50 Sekolah Amanah di seluruh negara dengan 18 sekolah di Johor, Sarawak (12), Selangor (9), Sabah (5), Kuala Lumpur (4), Perak (1) dan Negeri Sembilan (1), dengan RM6.8 juta telah dibelanjakan bagi program ini. Sementara itu, 12 sekolah baharu yang terdiri daripada tujuh sekolah rendah, tiga sekolah menengah, dan dua sekolah berasrama

penuh, akan dibina di Sarawak (6), Selangor (3), Johor (2) dan Melaka (1). Semua sekolah berkenaan dijangka siap dibina pada tahun 2018.

Mengarus Perdana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Menjelang 2020, sekurang-kurangnya 60% pekerjaan dalam ekonomi memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Bagi memenuhi permintaan ini, Kerajaan terus memberi penekanan kepada program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) melalui pelaksanaan program Transformasi Pendidikan Vokasional. Sehubungan ini, Kerajaan menjalankan *Conversion Project* melibatkan penaik tarafan sekolah vokasional kepada kolej vokasional. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 80 sekolah vokasional (89.9%) dinaik taraf melibatkan RM8.7 juta.

Permintaan program TVET semakin bertambah berikutan peningkatan minat dalam kalangan pelajar terhadap pendidikan vokasional. Untuk memenuhi permintaan ini, melalui kerangka NBOS, Kerajaan memperoleh kerjasama Institusi Latihan Kemahiran Awam untuk menyediakan tempat latihan termasuk perkongsian fasiliti, peralatan dan sumber manusia. Di samping itu, skim *buying places* ditubuhkan untuk menambah tempat latihan melalui kerjasama beberapa Institusi Latihan Kemahiran Swasta. Sehingga bulan Ogos 2015, enrolmen program TVET ialah 8,585 pelajar dengan perbelanjaan RM49.8 juta.

Strategi Keempat: Memperkasa Agenda Bumiputera

Kerajaan terus memperkasa komuniti Bumiputera melalui pelbagai program dan meningkatkan penyertaan dalam pembangunan ekonomi sejajar dengan pertumbuhan inklusif. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk mempertingkatkan pemilikan ekuiti, memperkukuh keusahawanan dan PKS serta mempertingkatkan modal insan.

Meningkat Pemilikan Ekuiti Bumiputera

Bagi memantapkan agenda Bumiputera, Kerajaan terus memperkukuh pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Sehubungan itu, Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS) berperanan untuk meningkatkan ekuiti korporat Bumiputera dan menggalakkan penyertaan dalam ekonomi yang mapan. Sejak penubuhan pada tahun 2010, EKUINAS telah melabur sebanyak RM2.5 bilion dalam syarikat berpotensi termasuk di sektor minyak dan gas, perkhidmatan dan penjagaan kesihatan.

Memperkukuh Keusahawanan Bumiputera

Bagi memperkukuh penyertaan Bumiputera dalam ekosistem keusahawanan, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah mengendalikan dan menyelaras inisiatif pendidikan dan pembangunan keusahawanan. INSKEN telah melancarkan program BisKaunselor pada bulan Ogos 2015 untuk melatih dan meningkatkan kemahiran 400

kaunselor perniagaan. Kesemua kaunselor ini kemudian akan membantu 5,000 usahawan untuk mengasah kemahiran mereka dan menyediakan pelan perniagaan yang teratur dan bersesuaian. Tambahan pula, INSKEN500 ditubuhkan untuk menyediakan sesi latihan kepada sekurang-kurangnya 500 syarikat dengan kerjasama Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), SME Corp, MyIPO dan universiti. Di samping itu, INSKEN telah menganjurkan *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) pada bulan Mei 2015 dengan kerjasama Universiti Tun Abdul Razak untuk berkongsi dan memanfaatkan penemuan penyelidikan GEM. Sehingga bulan Jun 2015, RM15 juta telah dibelanjakan untuk program tersebut.

Sebagai usaha berterusan untuk memacu idea perniagaan inovatif dan kreatif daripada syarikat baharu yang beroperasi kurang tiga tahun, TERAJU menganjurkan pertandingan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan menyediakan geran sehingga RM500,000 kepada pemenang. Permohonan dikemukakan menggunakan video dalam talian dan dinilai melalui proses saringan, boot kem dan sesi pembentangan. Sejak penganjurannya pada tahun 2013, RM30 juta telah dianugerahkan kepada 60 pemenang.

Bagi meningkatkan kapasiti syarikat Bumiputera untuk menembusi pasaran global, pada bulan Ogos 2015, TERAJU telah melancarkan program pra-eksport untuk Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia. Sehingga bulan Jun 2015, RM10 juta telah disediakan kepada syarikat Bumiputera dalam industri minuman dan makanan halal.

Bagi memastikan sekurang-kurangnya 50% penyertaan strategik Bumiputera dalam projek mega bernilai RM500 juta dan ke atas, Kerajaan memperluas program *carve-out and compete* termasuk projek inisiatif swasta dan kerajaan negeri. Sehingga bulan Jun 2015, sebanyak 11 projek telah dikenal pasti di bawah program *carve-out and compete*, termasuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (MRT Line 1), Menara Warisan Merdeka dan Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia.

PKS Bumiputera

Kerajaan kekal komited meningkatkan kapasiti dan kepakaran syarikat Bumiputera untuk memperluas perniagaan dan berdaya saing pada peringkat global. Sehubungan itu, dana Bumiputera Al-Ansar telah ditubuhkan pada bulan April 2015. Dana ini ialah Akaun Pelaburan Terhad (RIA) patuh syariah, bertujuan untuk membantu usahawan atau PKS Bumiputera dengan menyediakan pembiayaan antara RM50,000 dan RM1 juta. Sehingga bulan Jun 2015, RM9.1 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif ini.

Membangun Modal Insan Bumiputera

Kerajaan terus memberi tumpuan untuk membangunkan modal insan Bumiputera dengan menyediakan pinjaman pendidikan bagi melanjutkan pelajaran di dalam dan luar

negeri. Sehingga bulan Ogos 2015, RM1.9 bilion telah dibelanjakan untuk inisiatif ini. Tambahan pula, bagi memenuhi permohonan pinjaman yang meningkat, Skim MARA-Bank telah dilancarkan pada bulan Julai 2015. Skim ini merupakan perkongsian pintar antara MARA dengan beberapa institusi kewangan tempatan untuk menyediakan pinjaman pendidikan kepada semua peringkat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri.

Di samping itu, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera bertanggungjawab melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan akses pendidikan pada setiap peringkat pengajian. Sehubungan ini, program Peneraju Tunas menyediakan biasiswa pendidikan untuk pelajar pasca-UPSR dan pasca-SPM dari kalangan isi rumah berpendapatan bulanan di bawah RM4,000. Sementara itu, program Peneraju Skil dan Peneraju Profesional menawarkan biasiswa pendidikan dan latihan serta pinjaman kepada belia dalam program pensijilan profesional atau bidang teknikal. Selain itu, Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana. Sehingga bulan Ogos 2015, RM28.4 juta telah dibelanjakan untuk program ini, memanfaatkan 4,522 pelajar.

Bagi meningkatkan bilangan akauntan bertauliah Bumiputera daripada 8% pada tahun 2014 kepada 25% menjelang 2020, Kerajaan melancarkan Pusat Profesional Perakaunan pada bulan Mac 2015 dengan kerjasama Institut Akauntan Malaysia. Sehingga bulan Jun 2015, seramai 330 pelajar telah mendaftar dalam program perakaunan profesional, termasuk *Certified Accounting Technicians* (CAT) dan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA).

Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Dalam usaha untuk mencapai pembangunan seimbang dan pertumbuhan inklusif, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Sehubungan ini, 1,663-kilometer (km) Lebuhraya Pan-Borneo telah dilancarkan pada bulan Mac 2015. Projek ini bermula dengan penaiktarafan jalan satu lorong sedia ada sepanjang 1,090-km dari Telok Melano ke Miri di Sarawak kepada jalan dua lorong, dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 billion. Projek ini dijangka disiapkan menjelang 2020. Sehingga bulan Ogos 2015, projek dari Simpang Nyabau ke Simpang Bakun di Teluk Melano sedang dibina dengan perbelanjaan sebanyak RM58.6 juta.

Penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) adalah inisiatif pre-emptif untuk meningkatkan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE). Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 11 projek telah dilaksanakan, iaitu menaik taraf kem Pasukan Gerakan Am (PGA) di Beluran, pangkalan maritim bagi Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) di Semporna, blok penginapan dan pos pertahanan bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Lahad Datu, pembinaan tiga pangkalan keselamatan di Semporna dan Sandakan, pembelian kenderaan dan peralatan untuk operasi ESSCOM dan pasukan keselamatan lain serta meningkatkan kapasiti

radar. Pengambilan tanah dan pembinaan infrastruktur sedang dijalankan untuk membina Kem ATM di Felda Sahabat, Lahad Datu. Di samping itu, Kerajaan juga telah meningkatkan kehadiran anggota keselamatan di kawasan ESSZONE.

Bagi menyeragamkan harga barangan keperluan asas antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan meringankan kos sara hidup penduduk di luar bandar dan pedalaman, Kerajaan terus melaksanakan Program Penyeragaman Harga melalui pelbagai inisiatif termasuk subsidi pengangkutan, program 1Malaysia 1Harga dan *Mobile Kedai Rakyat* 1Malaysia. Sehingga bulan Julai 2015, RM38.6 juta untuk Sarawak dan RM40.1 juta bagi Sabah telah dibelanjakan. Kerajaan juga telah membina lebih banyak Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan sehingga bulan Julai 2015, 19 KR1M telah diwujudkan di Sabah dan 30 di Sarawak.

Strategi Kelima: Memartabat Peranan Wanita

Wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka dalam tenaga kerja dan pembuat keputusan masih rendah. Dalam hal ini, Kerajaan terus membantu wanita untuk kembali ke pasaran kerja melalui *1Malaysia Support For Housewives* (1MS4HW) yang terdiri daripada empat program, iaitu Program Menjana Pendapatan, pendaftaran dan penempatan suri rumah melalui portal JobsMalaysia, Program *Survivor Skills For Women* (SS4W) dan Skim *Housewives Enhancement and Reactivate Talent* (HEARTS). Sehingga bulan Ogos 2015, RM0.9 juta telah dibelanjakan dan memanfaatkan lebih 320 peserta. Di samping itu, TalentCorp telah mewujudkan Program *Women Career Comeback* bertujuan mengambil dan mengekalkan wanita bekerja serta memberi peluang kerjaya untuk wanita yang mahu kembali bekerja. Pelbagai program telah dilaksanakan termasuk bengkel dan pameran kerjaya. Sehingga bulan Jun 2015, lebih 62 wanita profesional telah mendapat penempatan kerja melalui program ini.

Melalui Program Pengarah Wanita (WDP), Kerajaan menyasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan strategik. Menerusi program ini, calon diberi latihan kemahiran spesifik lembaga pengarah dalam usaha untuk menyediakan senarai calon yang bersesuaian bagi syarikat berkaitan Kerajaan dan sektor swasta. Sejak pelancarannya pada tahun 2012, seramai 974 pengarah wanita telah dilatih dan 32 daripada mereka sedang berkhidmat di syarikat awam tersenarai. Sementara itu, Kerajaan terus melaksanakan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang menyediakan latihan, termasuk keusahawanan, perniagaan tani dan aktiviti berkaitan pelancongan. Dalam tempoh H1 2015, 725 wanita telah mengambil bahagian dalam kedua-dua program berkenaan.

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan kerjasama Sekretariat Khas bagi Memperkasakan Usahawan India telah meluaskan peranan Skim Pinjaman Ikhtiar untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan wanita India. Sehingga bulan Jun 2015, seramai 8,121 wanita telah mengambil bahagian dalam

Sisipan 2


Wanita dalam Tenaga Kerja: Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Pengenalan

Sehingga tahun 2009, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita kekal tidak berubah iaitu dalam lingkungan 46%. Melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, KPTB wanita telah secara beransur-ansur meningkat kepada 53.6% pada tahun 2014, dengan penambahan 600,000 wanita dalam tenaga kerja.

CARTA 1

Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita di Malaysia 2005 – 2015



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi.

Faktor Utama Mendorong Peningkatan KPTB Wanita

Peningkatan KPTB wanita telah didorong oleh gabungan beberapa faktor hasil daripada inisiatif Kerajaan dan usaha majikan sektor swasta seperti berikut:

Peningkatan Tahap Pendidikan di Kalangan Wanita

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan pelajar perempuan di peringkat pengajian tinggi. Sebahagian besar graduan Malaysia adalah wanita, dengan 63% lepasan universiti awam pada tahun akademik 2013/2014. Analisis berdasarkan tahap pencapaian pendidikan menunjukkan wanita yang berpendidikan tertiar lebih cenderung menceburi alam pekerjaan berbanding lepasan sekolah tanpa mengira usia. Oleh itu, angka graduan wanita yang lebih tinggi telah menyumbang kepada peningkatan KPTB wanita keseluruhan.

Peningkatan Peluang Pekerjaan dalam Sektor Perkhidmatan

Antara tahun 2008 dan 2014, 75% daripada peluang pekerjaan diwujudkan di sektor perkhidmatan terutamanya dalam pentadbiran dan perkhidmatan sokongan, kesihatan dan pendidikan, di mana wanita menyumbang kira-kira 50% daripada jumlah tenaga kerja. Peluang pekerjaan dalam subsektor perkhidmatan khususnya yang kurang memerlukan tenaga fizikal, disokong aturan kerja fleksibel, menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif untuk wanita berbanding sektor lain seperti pembinaan.

Pembangunan Usahawan Wanita

Di bawah Bajet 2015, RM2.3 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja dan menggalakkan aktiviti keusahawanan. Ini termasuk menyediakan peluang kepada ibu tunggal yang berminat menjadi usahawan di bawah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Program Inkubator Keusahawanan Wanita (IKeuNITA)

dan Program Teras Pembangunan Wanita. Di samping itu, RM30 juta diperuntuk kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan wanita India. Usaha ini telah membantu mengukuhkan peranan wanita dalam ekonomi serta menyumbang kepada peningkatan KPTB wanita.

Menggalakkan Aturan Kerja Fleksibel di Kalangan Majikan

FlexWorkLife.my yang merupakan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan TalentCorp, dilancarkan pada bulan Julai 2013 bertujuan untuk membina rangkaian majikan dengan mengetengahkan kajian kes, amalan terbaik dan contoh kejayaan majikan yang mempunyai aturan kerja fleksibel, amalan kerja dan kehidupan atau kemudahan mesra ibu bapa di tempat kerja.

Kajian kes digunakan sebagai panduan kepada majikan lain untuk meningkatkan amalan kerja dan kehidupan bagi mengekalkan tenaga kerja mahir, terutama wanita. Setakat ini, TalentCorp, dengan kerjasama Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), telah menganjurkan bengkel untuk menyokong keperluan aturan kerja fleksibel di Kuala Lumpur dan Johor Bahru yang disertai oleh 461 syarikat. Hampir 20 syarikat telah memulakan pelbagai bentuk aturan kerja fleksibel yang terdiri daripada waktu bekerja berperingkat, waktu bekerja fleksi dan *telecommuting*.

Program Career Comeback

Sebagai sebahagian daripada langkah Bajet 2015, geran bagi program *Career Comeback* telah dilancarkan pada bulan Mac 2015 bertujuan menggalakkan majikan untuk mengambil wanita Malaysia yang berminat untuk kembali bekerja selepas berhenti kerja sementara. Dua jenis geran disediakan kepada majikan:

Geran Penyumbangan: Bagi syarikat yang melaksanakan atau meningkatkan program atau kempen bagi mengambil wanita yang berminat untuk kembali bekerja. Geran ini menawarkan pembiayaan bersama 75% daripada kos yang ditanggung untuk melaksanakan program ini.

Geran Pengekalan: Untuk pengambilan yang berjaya dan pengekalan wanita yang kembali bekerja untuk tempoh bekerja lebih daripada enam bulan. Jumlah geran bersamaan satu bulan gaji wanita yang kembali bekerja.

Dalam masa kurang daripada enam bulan selepas pelancarannya, 45 syarikat merangkumi syarikat multinasional dan syarikat tempatan telah berjaya mengambil lebih 60 wanita di bawah Program *Career Comeback*.

Kesimpulan

Wanita Malaysia telah berjaya mendapat faedah ketara di tempat kerja, merapatkan jurang kepelbagaian dan menduduki jawatan utama. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah mempergiat usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Pada masa hadapan adalah penting bagi majikan sektor swasta untuk bekerjasama dan menyokong fokus Kerajaan terhadap kepelbagaian di tempat kerja. Kemasukan lebih ramai tenaga kerja wanita ke alam pekerjaan akan menyumbang ke arah merealisasikan potensi mereka, meningkatkan pendapatan keluarga, prestasi syarikat dan ekonomi negara.

Sumber: Talent Corporation Malaysia Berhad.

skim ini. Penyertaan tertinggi adalah kumpulan mudah terjejas dengan pendapatan bulanan isi rumah RM821 hingga RM3,499 (4,375 peserta) diikuti kumpulan usahawan dengan pendapatan bulanan isi rumah RM3,500 dan ke atas (3,515 peserta) serta kumpulan miskin dan miskin tegar dengan pendapatan bulanan isi rumah RM820 dan ke bawah (231 peserta).

Untuk menggalakkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan berkeluarga serta meningkatkan ikatan kasih sayang antara ibu dan anak, Kerajaan menambah baik Kemudahan Cuti Menjaga Anak kepada penjawat awam. Bermula 1 Januari 2015, penjawat awam wanita diberi fleksibiliti untuk mengambil cuti tanpa gaji menjaga anak

tidak terikat dengan tempoh cuti bersalin. Penjawat awam boleh kembali bekerja dan menangguh cuti menjaga anak, tertakluk kepada tempoh maksimum 365 hari serta tidak terhad kepada bilangan anak. Kemudahan ini diperluas kepada ibu yang mempunyai anak tiri, anak angkat yang sah, anak peliharaan dan anak kurang upaya. Bagi menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat penjagaan anak di tempat kerja sektor swasta, Kerajaan sedang menyemak semula garis panduan sedia ada untuk membolehkan majikan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di bangunan bertingkat. Sehingga bulan Ogos 2015, RM4.2 juta telah dibelanjakan untuk program memartabatkan peranan wanita.

Strategi Keenam: Membangun Program Transformasi Belia Negara

Kerajaan mengiktiraf peranan belia sebagai bakal pemimpin masa hadapan dalam pembangunan negara. Bagi mencapai objektif ini, Kerajaan memperkenalkan Pelan Transformasi Belia Negara, *1Malaysia Youth City*, Skim Perumahan Belia dan Program Negara Bersukan.

Pelan Transformasi Belia Negara

Peranan belia dalam pembangunan negara boleh dipertingkatkan lagi melalui pelbagai aktiviti, termasuk kesukarelawanan, kepimpinan dan keusahawanan. Bagi program kesukarelawanan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diubah kepada PLKN 2.0 yang terdiri daripada lapan modul termasuk *Fit4Life*, *Malaysiaku*, *Be Safe and Be Alert*. PLKN 2.0 turut menawarkan latihan di institusi kemahiran sehingga 24 bulan. Program ini dijangka bermula pada bulan Januari 2016. Program Rintis PLKN 2.0 akan dijalankan dari 17 Oktober hingga 16 Disember 2015 untuk mengenal pasti potensi impak positif dan halangan di dalam modul. Sementara itu, Yayasan Khidmat Negara yang bertujuan menyemai semangat kesukarelawanan dalam kalangan graduan PLKN, akan dilancarkan pada bulan Januari 2016.

Bagi memupuk semangat kesukarelawanan belia dan penyertaan sosial, Kerajaan akan terus melaksanakan Program Rakan Muda, Projek Angkat dan Upaya (PADU), Anugerah Belia Perdana, Program Kem Uniti, Program *MyCorps* dan *1Malaysia for Youth* (1M4U). Bagi Program Rakan Muda, sehingga bulan Ogos 2015, RM5.4 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan portal baharu, menganjurkan *Showcase of Talent* dan penjenamaan semula program. Di samping itu, PADU telah dilancarkan pada 18 November 2014 bagi melatih pekerja sosial muda untuk melibatkan diri dengan belia berisiko melalui aktiviti produktif dan sosial. Sehingga bulan Ogos 2015, RM4.7 juta telah dibelanjakan untuk program ini. Kerajaan terus menganjurkan Anugerah Belia Perdana sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan belia di dalam program kesukarelawanan dan sehingga bulan Ogos 2015, RM1.2 juta telah dibelanjakan. Manakala, Program Kem Uniti bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan belia berumur 15 hingga 20 tahun dan dijadualkan akan bermula pada bulan November 2015. Selain itu, *MyCorps* dan 1M4U akan terlibat dengan aktif dalam aktiviti kesukarelawanan negara.

Kerajaan juga berusaha memperkukuh kapasiti kepimpinan dan kemahiran belia melalui cadangan Akademi Kepimpinan Belia Negara (AKBN). Dalam hal ini, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Port Dickson, Negeri Sembilan akan dinaik taraf sebagai akademi latihan kepimpinan belia menjelang 2018, dengan enam inisiatif utama termasuk modul kepimpinan yang telah dikemas kini. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada proses transformasi, Program *Double Shift* dengan kursus berasaskan industri diperkenalkan pada bulan Julai 2015 bagi memastikan belia diberi kemahiran dan pengetahuan

mencukupi untuk memasuki pasaran kerja. Pada masa ini, terdapat lebih 14,000 pelajar sepenuh masa dan 1,400 pelajar mengikuti kursus jangka pendek di semua IKBN. Sementara itu, usaha transformasi melalui tiga boot kem telah dijalankan dengan lebih 90% peserta mendapat pekerjaan. Bagi kategori keusahawanan, Kerajaan memperkenalkan Program Usahawan Tani Belia untuk belia yang berusia antara 18 hingga 40 tahun. Program ini menyediakan latihan, pinjaman mudah dan geran. Sehingga bulan Ogos 2015, RM2.1 juta telah diagihkan kepada 142 penerima.

1Malaysia Youth City

Kerajaan juga menyasarkan untuk menyediakan ekosistem komprehensif bagi belia meningkatkan kapasiti mereka dalam beberapa aspek, termasuk pekerjaan, perniagaan dan keusahawanan serta menikmati fasiliti perumahan, rekreasi dan sukan yang lebih baik. Untuk ini, tiga *1Malaysia Youth City* (1MYC) akan diwujudkan, iaitu di Tanjong Malim, Perak dan Lundu, Sarawak manakala lokasi di Sabah sedang dikenal pasti. Sebahagian 1MYC telah dilaksanakan dengan menaik taraf rumah rehat sedia ada di Tanjong Malim untuk dijadikan *Art Hub* dengan kos RM0.5 juta.

Skim Perumahan Belia

Bagi memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan belia, Kerajaan telah melancarkan Skim Perumahan Belia pada 1 Julai 2015. Inisiatif ini adalah perkongsian pintar antara pihak Kerajaan, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memberi kemudahan pembiayaan kepada belia. Sehingga bulan September 2015, sebanyak 163 permohonan pinjaman berjumlah RM41.4 juta telah diluluskan.

Negara Bersukan

Bagi mencapai matlamat mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan, Kerajaan akan melaksanakan program Negara Bersukan. Program ini akan disokong melalui beberapa inisiatif termasuk Program *Malaysian Talent Identification* (MyTID), Modul Sukan Negara baharu, Program *FitMalaysia*, dan Hari Sukan Negara. Program MyTID bertujuan mewujudkan ramai bilangan bakat muda untuk bersaing di peringkat global. Sehingga bulan September 2015, seramai 105,641 murid Tahun 1 sekolah rendah di seluruh negara telah dinilai, di mana 25% terbaik akan dipilih untuk mengikuti latihan lanjut pada tahun 2016. Sementara itu, sehingga bulan Ogos 2015, seramai 3,806 guru dari 1,276 sekolah telah dilatih dalam Program Kejurulatihan. Modul Sukan Negara baharu telah dilancarkan pada 12 Februari 2015, bertujuan meningkatkan kualiti enam sukan berprestasi tinggi, iaitu bola sepak, berbasikal, badminton, sepak takraw, akuatik dan olahraga. Sehingga bulan Ogos 2015, RM18 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif berkenaan. Sementara itu, Program *FitMalaysia* telah dilancarkan di 10 negeri dengan penyertaan 253,025 peserta dan sehingga bulan Ogos 2015, RM1.9 juta telah dibelanjakan. Bagi inisiatif keempat, untuk menggalakkan gaya hidup sihat

dan meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelbagai komuniti melalui aktiviti sukan, Kerajaan mengumumkan hari Sabtu kedua bulan Oktober setiap tahun sebagai Hari Sukan Negara.

Strategi Ketujuh: Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat

Menyedari faedah pertumbuhan ekonomi wajar dirasakan dan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sebagaimana termaktub dalam ekonomi keperluan rakyat, Kerajaan terus komited untuk meringankan beban dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha juga akan dipergiat untuk menambah baik rantai bekalan makanan, keseragaman harga, sistem pengangkutan awam, perkhidmatan dan fasiliti penjagaan kesihatan, pemilikan rumah, fasiliti dan infrastruktur luar bandar, bekalan air bersih, keamanan dan keselamatan serta kesejahteraan rohani.

Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia

Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa yang mempunyai anak masih bersekolah, Kerajaan terus menyediakan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah. Seramai 5.1 juta pelajar mendapat manfaat daripada program bantuan persekolahan ini. Begitu juga dengan Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 memanfaatkan lebih 1.3 juta pelajar pendidikan tertiar.

Memperkuh Rantaian Bekalan Makanan

Kerajaan terus memastikan bekalan makanan mencukupi dan mampu dibeli rakyat. Dalam hal ini, bilangan pasar nelayan telah ditambah daripada lima kepada 65 lokasi bagi membolehkan nelayan pesisir pantai menjual terus kepada pembeli. Sehingga bulan Ogos 2015, RM3.1 juta telah dibelanjakan memanfaatkan lebih 4,600 nelayan. Begitu juga, bilangan pasar tani telah ditambah daripada 549 kepada 592 yang menjual produk segar pada harga berpatutan memandangkan kebanyakan peniaga mendapat bekalan terus dari ladang. Di samping itu, beberapa program telah diperkenalkan untuk mempromosi produk tempatan dan memastikan harga berpatutan. Ini termasuk kempen penurunan harga, menyasarkan 73 jenis produk pasar tani di seluruh negara serta di 85 Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Kedua-dua program berjaya menarik 26,101 peniaga. Sehingga bulan Jun 2015, RM1.5 juta telah dibelanjakan untuk kedua-dua program berkenaan.

Untuk meningkatkan bekalan makanan, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada ahli dengan pinjaman jangka pendek dan panjang untuk penyewaan jentera, pelaburan teroka dan aktiviti pelaburan lain. Sehingga bulan Julai 2015, NAFAS telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM59.4 juta kepada ahli-ahlinya. Di samping itu, untuk meningkatkan

pengeluaran padi, Kerajaan telah membina empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu baharu, iaitu di Pekan dan Rompin (Pahang), Batang Lupar (Sarawak) dan Kota Belud (Sabah). Inisiatif ini telah meningkatkan kawasan penanaman padi daripada 684,545 kepada 686,050 hektar dengan RM18 juta telah dibelanjakan untuk program ini sehingga bulan Ogos 2015.

Pembangunan dan Kebajikan Nelayan

Kerajaan kekal komited dalam meningkatkan kesejahteraan kumpulan nelayan yang memperoleh pendapatan bermusim dan bergantung kepada faktor cuaca. Sehubungan itu, Kerajaan telah meningkatkan elaun sara hidup bulanan untuk nelayan pesisir pantai daripada RM200 kepada RM300 dan nelayan laut dalam daripada RM200 kepada RM250. Sehingga bulan Ogos 2015, skim ini telah memanfaatkan seramai 50,521 nelayan. Bagi nelayan darat¹ baharu, elaun bulanan RM200 telah diagih memanfaatkan 3,445 nelayan. Untuk mempelbagai dan menstabilkan pendapatan nelayan, Kerajaan menggalakkan nelayan menceburi aktiviti akuakultur. Keseluruhannya sehingga bulan Ogos 2015, RM20 juta telah diagihkan kepada 406 nelayan.

Penyeragaman Harga dan Kedai Rakyat 1Malaysia

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (PCAP) 2011 adalah satu mekanisme penting untuk memantau harga di seluruh negara. Pada 14 Januari 2015, OPS CATUT telah dilancarkan untuk meningkatkan penguatkuasaan bagi menghalang peniaga mengambil kesempatan meraih keuntungan berlebihan berikutan pelaksanaan GST. Sehingga September 2015, lebih 1.5 juta pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara. Sebanyak 2,063 notis telah dikeluarkan kepada peniaga di bawah Seksyen 21, Akta PCAP 2011 kerana disyaki mengambil untung berlebihan. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Mahkamah Khas Antipencatutan untuk mempercepat proses pendakwaan.

Bagi mengawal dan memantau harga barangan, seramai 1,218 Pegawai Pemantauan Harga (PPH) telah ditugaskan untuk memantau lebih 500 barangan meliputi barangan runcit, perkakasan rumah dan makanan bermasakan. Berikutan pelaksanaan GST, PPH kini memantau perubahan harga bagi 10,000 barangan. Selaras dengan NBOS, kuasa diwakilkan kepada 605 ketua kampung untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah Akta PCAP, 2011, Akta Kawalan Bekalan, 1961 dan Akta Timbang dan Sukat, 1972. Sementara itu, untuk mengukuhkan pemantauan harga, Skuad Pengguna terdiri daripada sukarelawan diwujudkan untuk membantu aktiviti pemantauan harga barangan dan perkhidmatan, dan sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 233,243 sukarelawan yang terlibat. Pada masa yang sama, bagi mengurangkan kos sara hidup, Kerajaan akan menubuhkan lebih banyak KR1M. Sehingga bulan September 2015, terdapat 169 KR1M di seluruh negara termasuk lapan² KR1M yang telah diwujudkan pada tahun 2015.

¹ Merujuk kepada nelayan yang bergantung hidup kepada sumber perikanan darat seperti sungai dan tasik.

² KR1M baharu terletak di Baling dan Sik (Kedah), Ijok (Selangor), Bachok (Kelantan), Bandar Seri Iskandar dan Sungai Rapat (Perak), Sungai Plan (Sarawak) dan Kudat (Sabah).

Mempertingkatkan Sistem Pengangkutan Awam

Sistem pengangkutan awam yang cekap, menepati masa, selesa dan lancar adalah penting bagi memudahkan pergerakan rakyat dan barangan terutama di kawasan metropolitan dan bandar. Kerajaan menambah baik perkhidmatan bas antara bandar dan bas berhenti-henti dan juga perkhidmatan *Electric Train Service* (ETS). Bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, perkhidmatan bas antara bandar menawarkan diskaun tambang bulanan sebanyak 30% untuk tiga laluan iaitu Rawang - Kuala Lumpur, Klang - Kuala Lumpur dan Seremban - Kuala Lumpur. Di samping itu, Kerajaan telah melancarkan program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) di Kangar yang menawarkan liputan lebih meluas dengan jarak perjalanan keseluruhan laluan daripada 124 km kepada 337 km. Sementara itu, pada bulan Julai 2015, perkhidmatan ETS dipanjangkan ke Sektor Utara iaitu laluan Ipoh – Padang Besar, laluan KL Sentral – Padang Besar dan laluan KL Sentral – Butterworth. Pada akhir bulan September 2015, laluan baharu ETS telah mencatatkan bilangan penumpang sebanyak 170,312. Bermula pada bulan Oktober 2015, perkhidmatan ETS dipanjangkan ke Sektor Selatan iaitu laluan Gemas – Butterworth dan Gemas – Padang Besar.

Bantuan Khas kepada Pekebun Kecil Getah dan Kelapa Sawit

Kemerosotan harga getah telah memberi kesan kepada pendapatan pekebun kecil. Bagi menjamin kesejahteraan pekebun kecil, Kerajaan melaksanakan inisiatif untuk memastikan pendapatan serta meningkatkan pengeluaran getah. Inisiatif ini termasuk bantuan khas, Mekanisme Kawal Selia Harga Getah di Peringkat Ladang (MKSHG), Insentif Pengeluaran Getah (IPG) serta Program Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTSG). Bantuan khas RM500 telah diberi kepada 308,872 pekebun kecil dan penoreh getah. Di samping itu, MKSHG diperkenalkan untuk mengawal harga getah di peringkat ladang dan mengurangkan orang tengah dalam rantai bekalan. Lembaga Getah Malaysia menggalakkan penubuhan koperasi pekebun kecil untuk membeli dan menjual terus kepada pengilang bagi harga yang lebih baik. Bagi tujuan ini, koperasi telah disediakan pinjaman mudah sebagai modal kerja dan sehingga bulan Ogos 2015, RM520,000 telah diagihkan kepada tujuh koperasi.

IPG bertujuan untuk memberi insentif kepada pekebun kecil getah apabila harga Bebas Atas Kapal (FOB) Standard Malaysia Rubber 20 (SMR 20) di bawah RM5.10 sekilogram atau harga getah sekerap di peringkat ladang sebanyak RM2.00 sekilogram. Ini dapat memastikan pengeluaran getah dan bekalan bahan mentah yang berterusan kepada aktiviti hiliran. Di samping itu, apabila harga mencecah RM8.25 sekilogram, pekebun kecil akan menyumbang kepada dana IPG, sekaligus memastikan kemapanan jangka panjang untuk membiayai skim IPG. Skim ini dilaksanakan bermula bulan September 2015. Tambahan pula, program TBTSG telah dilaksanakan di seluruh negara untuk memastikan pengeluaran getah dan bahan mentah berasaskan getah mencukupi bagi memenuhi

permintaan domestik. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak RM140 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Kerajaan terus menyediakan insentif tanam baharu dan semula di bawah Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Sehingga bulan Ogos 2015, seluas 35,529 hektar di bawah TBSPK dan 36,007 hektar di bawah TSSPK telah ditanam dengan perbelanjaan sebanyak RM464.6 juta. Di samping itu, bagi meningkatkan eksport minyak sawit mentah (CPO) dan mengurangkan stok domestik, mulai 1 September 2014 sehingga 28 Februari 2015, Kerajaan telah mengecualikan duti eksport CPO.

Perkhidmatan dan Fasiliti Penjagaan Kesihatan

Kerajaan komited untuk menyediakan perkhidmatan dan fasiliti penjagaan kesihatan berkualiti kepada rakyat. Dalam hal ini, RM577.1 juta telah dibelanjakan untuk membina fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk perancangan dan kerja awalan bagi Hospital Dungun (Terengganu), Hospital Seri Iskandar (Perak) dan 20 klinik kesihatan serta tiga klinik pergigian. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 324 Klinik 1Malaysia telah beroperasi termasuk enam klinik baharu, melebihi sasaran 290 klinik.

Sejumlah RM19.4 juta telah dibelanjakan di bawah Pelan Strategik Denggi Kebangsaan (NDSP) untuk mencegah dan mengawal denggi di negara ini. NDSP mempunyai tujuh strategi, iaitu pengawasan denggi, pengurusan vektor bersepadu, rawatan pesakit, tindak balas penularan wabak, penyelidikan, mobilisasi sosial dan komunikasi serta pengurangan kes denggi di Lembah Klang.

Kebajikan Wanita, Keluarga dan Komuniti

Kerajaan berterusan memberi bantuan kepada golongan miskin, kanak-kanak, orang tua dan orang kurang upaya (OKU) demi memastikan kesejahteraan mereka. Sehingga bulan Jun 2015, RM741.6 juta telah diagihkan kepada penerima bantuan berdaftar. Di samping itu, Kerajaan juga telah meningkatkan elaun makanan harian daripada RM8 kepada RM16 melibatkan seramai 8,700 penghuni di 63 institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sehingga bulan Jun 2015, RM2.4 juta telah dibelanjakan untuk elaun makanan. Sementara itu, geran tahunan Majlis Kebangsaan Bagi OKU telah dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta. Ini membolehkan Majlis meningkatkan perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Sehingga bulan Jun 2015, Kerajaan telah membelanjakan RM271,000 untuk tujuan ini.

Berdasarkan profil komposisi penduduk semasa, Malaysia akan menjadi sebuah negara menua menjelang 2035. Bagi memastikan tempat warga emas berinteraksi dan bersosial dalam masyarakat mencukupi, Kerajaan telah menubuhkan pusat warga emas iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sebanyak lima pusat baharu telah dibina sebagai tambahan kepada 45 pusat lain di seluruh negara. Sehingga bulan

Jun 2015, RM1.5 juta telah disalurkan kepada pusat sedia ada. Di samping itu, Unit Khas Penyayang Warga Emas telah ditubuhkan di lapan PAWE dan tiga rumah warga emas bagi menyediakan pengangkutan percuma ke hospital, klinik dan tempat awam lain.

Sistem prasekolah berkualiti tinggi adalah penting untuk memupuk pemimpin berpotensi pada masa hadapan. Ke arah ini, Kerajaan meningkatkan kadar enrolmen prasekolah melalui pelbagai inisiatif. Kerajaan telah mengagihkan RM345.7 juta, termasuk pemberian kepada sektor swasta, bagi penubuhan prasekolah. Selaras dengan hasrat untuk menyediakan pendidikan awal yang berkualiti tinggi di Tabika KEMAS dan TASKA Permata KEMAS, 367 guru siswazah dan 9,939 pembantu guru dilantik. Sehingga bulan Jun 2015, terdapat 219,224 kanak-kanak prasekolah belajar di Tabika KEMAS dan 8,628 di Taska Permata KEMAS, dengan RM68.4 juta telah dibelanjakan. Di samping itu, terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dengan 40,000 kanak-kanak dan 41 Tabika Permata Perpaduan dengan 900 kanak-kanak. Sehingga bulan Julai 2015, RM98 juta telah dibelanjakan. Sementara itu, 88 Pusat Anak Permata Negara (PAPN) beroperasi dengan 2,593 pelajar dan 468 guru. Lima³ lagi PAPN akan ditubuhkan pada bulan November 2015. Sehingga bulan Jun 2015, RM24.1 juta telah dibelanjakan.

Pemilikan Rumah

Bagi menangani isu pemilikan rumah mampu milik, pelbagai program dan projek dilaksanakan. Ini termasuk Program Perumahan Rakyat 1Malaysia di bawah Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang menyasarkan untuk membina 210,000 rumah menjelang 2018 dengan harga antara RM100,000 dan RM400,000. Bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada inisiatif ini, had pendapatan isi rumah telah dilonggarkan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Sehingga bulan Ogos 2015, sejumlah 560 unit rumah telah disiapkan, manakala 41,263 unit rumah sedang dalam pembinaan dan 120,751 unit rumah pada peringkat perancangan. Sehingga bulan Ogos 2015, RM1.2 bilion telah dibelanjakan untuk program ini.

Bagi menampung keperluan perumahan kumpulan berpendapatan rendah dan penempatan semula setinggan, Kerajaan melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) menyediakan pilihan kepada rakyat untuk membeli atau menyewa rumah PPR. Sehingga bulan Ogos 2015, RM209.6 juta telah dibelanjakan untuk membina 15,996 unit rumah, di mana 4,266 unit rumah untuk disewa dan 11,730 unit rumah untuk dijual.

Kerajaan juga terus melaksanakan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak memiliki rumah atau tinggal di rumah usang atau memiliki tanah tanpa sumber kewangan mencukupi untuk membina rumah. Sehingga bulan Ogos 2015,

sejumlah 2,183 rumah sedang dalam pembinaan dengan kos RM142.2 juta. Sementara itu, di bawah program Rumah Idaman Rakyat, 6,296 rumah akan dibina di seluruh negara dengan 60% akan dijual pada harga di bawah RM250,000 dan 40% antara RM250,000 dan RM350,000. Projek ini menyasarkan kumpulan berpendapatan sederhana dan pembeli kali pertama. Sehingga bulan Ogos 2015, sebanyak 1,801 unit⁴ sedang dalam pembinaan. Di samping itu, Rumah Aspirasi Rakyat memberi peluang kepada belia untuk memiliki rumah pada harga diskaun di kawasan bandar dan luar bandar. Sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 22 projek sedang dijalankan terdiri daripada 11,872 unit dengan anggaran kos RM2.6 bilion. Bagi membolehkan belia memiliki rumah pertama, terutamanya belia baru bekerja, Kerajaan telah menambah baik terma dan syarat Skim Rumah Pertamaku. Ini termasuk meningkatkan had umur pembeli yang layak daripada 35 tahun kepada 40 tahun dan menetapkan harga jualan maksimum rumah pada RM500,000 berbanding RM400,000 sebelum ini tanpa wang pendahuluan. Sehingga bulan Julai 2015, sejumlah 463 pinjaman bernilai RM100.2 juta telah diluluskan.

Fasiliti dan Infrastruktur Luar Bandar

Kerajaan komited menyedia dan menaik taraf fasiliti dan infrastruktur luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak. Sehingga bulan Ogos 2015, jalan luar bandar sepanjang 318.6 kilometer telah siap dengan kos RM618.6 juta. Bagi meningkatkan penyambungan dan tempoh bekalan elektrik, Kerajaan berjaya menyediakan bekalan elektrik 24-jam kepada 4,957 rumah dengan perbelanjaan sebanyak RM401.8 juta. Manakala, sejumlah 4,751 rumah telah dibekalkan dengan air bersih dengan kos berjumlah RM156 juta.

Pelan Induk Air Kebangsaan

Kekurangan air dan isu yang berkaitan dengan Air Tidak Berhasil (NRW) adalah sebahagian kebimbangan utama Kerajaan. Untuk menangani masalah ini, Kerajaan telah memulakan pelaksanaan Pelan Induk Air Kebangsaan bagi memastikan bekalan air mampan jangka masa panjang. Di Lembah Klang, usaha sedang diambil untuk meningkatkan bekalan air terawat, menaik taraf loji rawatan dan fasiliti lain. Dalam hal ini, Loji Rawatan Langat 2 dengan kapasiti 1,130 juta liter sehari, bernilai RM4 bilion sedang dalam pembinaan bagi mengatasi kekurangan bekalan air. Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk menubuhkan zon kawalan kebocoran serta menjalankan penggantian saluran paip lama untuk mengurangkan peratus kehilangan NRW. Sehingga bulan Ogos 2015, 50% daripada projek NRW telah siap dengan kos RM65 juta.

Keamanan dan Keselamatan

Kerajaan akan menambahkan bilangan anggota polis, rondaan polis dan membina lebih banyak balai polis untuk meningkatkan keselamatan awam di negara ini.

³ PAPN baharu di Subang (Selangor), Lumut (Perak), Jeram (Selangor), Langkawi (Kedah) dan Kuala Krai (Kelantan).

⁴ Unit rumah terletak di Semeling (Kedah), Ulu Kinta (Perak), Jasin (Melaka), Chaah (Johor) dan Bentong (Pahang).

Dalam hal ini, seramai 6,000 anggota polis telah direkrut. Beberapa balai polis baharu termasuk ibu pejabat dan pusat latihan sedang dibina di Johor, Sabah, Sarawak, Selangor, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak. Sehingga bulan Julai 2015, RM245.3 juta telah dibelanjakan untuk semua projek ini. Bagi meningkatkan kecekapan dalam pencegahan jenayah, tambahan 818 motosikal telah diperoleh dengan kos RM15.1 juta. Di samping itu, Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program pengurangan jenayah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), termasuk meningkatkan bilangan kamera televisyen litar tertutup (CCTV) di pihak berkuasa tempatan, program mencegah kecurian kenderaan, program mengurangkan jenayah jalanan, Rakan Cop, Kaunseling Triaj dan Program *Feet on Street* untuk meningkatkan kehadiran polis. Sehingga bulan Ogos 2015, RM25.3 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ditubuhkan untuk turut membantu pasukan keselamatan dalam menegakkan undang-undang dan peraturan. Peranan RELA sedang dipertingkatkan melalui program latihan dan pembinaan kapasiti. Sehingga bulan Ogos 2015, lapan program termasuk Pengurusan Krisis, Pengendalian Senjata Api dan Kursus Kepimpinan telah dilaksanakan yang melibatkan RM6.3 juta.

Pusat Percetakan Al-Quran

Kompleks Nasyrul Quran, pusat percetakan Al-Quran kedua terbesar di dunia telah dilancarkan pada bulan Julai 2015 di Putrajaya. Apabila siap dibina pada bulan Disember 2016, pusat ini akan mempunyai kapasiti mencetak tiga juta salinan setahun dengan 40% pengeluarannya akan diagihkan ke luar negara seperti China, Kazakhstan, Kemboja dan Rusia. Sehingga bulan Julai 2015, RM11 juta telah dibelanjakan bagi kerja infrastruktur.

Perumahan Penjawat Awam

Kerajaan komited meningkatkan fasiliti perumahan kepada penjawat awam. Di bawah Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), 10,905 unit sedang dalam pembinaan di beberapa lokasi termasuk di Bukit Jalil (Kuala Lumpur), Papar (Sabah) dan Bukit Pinang (Kedah), manakala 7,872 unit akan dibina di Putrajaya. Di samping itu, sehingga bulan Ogos 2015, Kerajaan telah membelanjakan RM33.3 juta untuk membaiki dan menyelenggara kuarters tentera, polis, guru dan staf perubatan di seluruh negara termasuk inisiatif di bawah Program *MyBeautiful Malaysia*.

Bantuan Rakyat 1Malaysia

Kerajaan terus melaksanakan program khas Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah. Pada tahun 2015, Kerajaan menaikkan amaun BR1M daripada RM650 kepada RM950 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah serta daripada RM450 kepada RM750 untuk isi rumah berpendapatan sederhana antara RM3,001 dan RM4,000 sebulan. Bayaran BR1M dibuat secara tiga

kali pada bulan Januari, Mei dan September 2015. Di samping itu, BR1M untuk individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan bulanan di bawah RM2,000 telah dinaikkan daripada RM300 kepada RM350. Sehingga bulan Ogos 2015, RM3.5 bilion telah dibelanjakan, memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang. Sementara itu, pada tahun 2015, Kerajaan menggantikan insurans takaful berkelompok (i-BR1M) dengan Skim Khairat Kematian bagi melayakkan waris penerima BR1M menerima RM1,000 sekiranya berlaku kematian.

Pengurusan Ekonomi - 2016

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang kukuh, terutamanya disokong oleh permintaan domestik. Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi ekonomi pada tahun 2015 dijangka berterusan pada tahun 2016. Secara khususnya, peningkatan ketidakstabilan pasaran kewangan, penurunan harga komoditi, pengukuhan dolar AS dan pertumbuhan perlahan ekonomi China, dijangka memberi kesan secara langsung dan tidak langsung ke atas ekonomi Malaysia, menerusi perdagangan dan kewangan. Ekoran daripada perkembangan ini, cabaran bagi Malaysia adalah untuk meningkatkan lagi daya tahan ekonomi domestik di samping memastikan kemapanan kewangan awam.

Isu dan Cabaran

Persekitaran Luaran

Pertumbuhan global dijangka kekal sederhana pada tahun 2016 dengan peningkatan sederhana daripada 3.1% pada tahun 2015 kepada 3.6% pada tahun 2016. Pertumbuhan KDNK negara maju diunjur meningkat 2.2% (2015: 2%), terutama diterajui oleh AS. Dalam pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun, KDNK dijangka meningkat kepada 4.5% (2015: 4%) berikutan kemajuan secara beransur khususnya di Rusia dan Brazil. Walau bagaimanapun, risiko masih lagi tinggi termasuk pelaksanaan normalisasi dasar monetari AS, pengukuhan berterusan dolar AS, harga komoditi yang rendah, keseimbangan pertumbuhan lebih rendah daripada jangkaan di China dan ketegangan geopolitik, terutamanya di Timur Tengah. Oleh itu, sumbangan sektor luaran kepada ekonomi Malaysia dijangka kekal sederhana pada tahun 2016, dengan akaun semasa mencatat lebihan yang rendah dalam julat 0.5% – 1.5% daripada GNI. Berdasarkan situasi ini, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia akan bergantung kepada permintaan domestik bagi membolehkan negara kekal pada landasan pertumbuhan yang terus kukuh.

Ekonomi Domestik

Penggunaan swasta adalah komponen terbesar dalam permintaan domestik menyumbang 3.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar dalam tempoh H1 2015.

Pengembangan penggunaan swasta yang lebih sederhana bagi tempoh H1 2015 disebabkan pengguna mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat' serta merancang perbelanjaan sebagai langkah penyesuaian kepada pelaksanaan GST. Berikutan sentimen yang lemah, dalam tempoh yang sama, beberapa penunjuk penggunaan swasta mencatat pertumbuhan lebih perlahan. Bilangan pengangguran juga meningkat terutamanya berikutan kekosongan jawatan yang semakin mengecil serta pemberhentian pekerja. Sementara itu, pertumbuhan upah seperti diukur oleh agregat upah benar dalam sektor pembuatan, berkembang sederhana sebanyak 2.3% pada suku kedua (Q2) tahun 2015 (Q1 2015: 5.3%).

Pelaburan swasta mencapai rekod tertinggi sebanyak RM183.9 bilion pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, 81% adalah daripada sumber domestik manakala selebihnya pelaburan langsung asing (FDI). Aliran positif pelaburan swasta berterusan dalam tempoh H1 2015 dengan jumlahnya mencapai RM108.5 bilion. Pencapaian ini adalah hasil pelbagai inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan swasta. Namun begitu, masih wujud isu dan cabaran. Cabaran dalam menggalakkan pelaburan swasta termasuk peningkatan persaingan global, kekurangan kapasiti inovasi dan perniagaan yang sofistikated serta kualiti pendidikan, penyelidikan dan pembangunan tidak mencukupi, serta produktiviti buruh dan produktiviti faktor keseluruhan yang rendah.

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama ekonomi dan penyedia peluang pekerjaan. Pada tahun 2014, sektor ini menyumbang 54% daripada KDNK, 15% daripada jumlah eksport negara dan menyediakan lapan juta pekerjaan. Sektor ini dijangka menyumbang 56.5% daripada KDNK, 19% daripada eksport dan menyediakan 9.3 juta peluang pekerjaan menjelang 2020. Bagi mencapai sasaran ini, beberapa isu penting perlu ditangani, termasuk kekurangan dan ketidaksepadanan kemahiran. Ini ditambah pula dengan kekurangan akses kepada *soft technology* dan adaptasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang rendah, terutamanya dalam kalangan PKS. Bagi sektor pembuatan, walaupun sektor ini telah melalui kemajuan pesat selama lebih tiga dekad, majoriti pengeluaran terus memberi tumpuan kepada operasi pemasangan. Ketidakupayaan untuk bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi adalah disebabkan terlalu bergantung kepada tenaga buruh tidak mahir yang bergaji rendah. Kajian menunjukkan bahawa tenaga buruh kurang mahir yang mudah didapati adalah sebahagian daripada faktor keengganan PKS melabur dalam teknologi dan bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi. Walaupun terdapat insentif, geran dan sokongan pembiayaan, pengeluaran tidak mengoptimalkan peluang untuk bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi. Begitu juga, sektor pertanian berterusan bergantung kepada pekerja asing kurang mahir menyebabkan penggunaan teknologi dan pelaksanaan amalan terbaik yang rendah. Ini mengakibatkan produktiviti dan daya saing yang rendah. Dalam sektor pembinaan, syarikat terus menghadapi kekurangan tenaga kerja termasuk pekerja mahir. Masalah ini semakin meruncing dengan penyertaan rendah

rakyat Malaysia yang umumnya, menghindari pekerjaan kotor, sukar dan bahaya (3D).

Sektor eksport telah mencapai kemajuan besar dalam mengembangkan kombinasi produk, mengekalkan pasaran tradisional dan bertapak kukuh dalam pasaran baharu dan pesat berkembang. Walau bagaimanapun, kebimbangan utama ialah ketidakupayaan pengeksporn tempatan untuk mengukuhkan kewujudan dalam rangkaian nilai global, terutamanya bagi teknologi terkini dan kawasan pertumbuhan baharu. Tambahan pula, perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada yang tidak digunakan sepenuhnya, kekurangan motivasi untuk menggunakan automasi secara meluas dan menambah baik teknologi serta kekurangan tenaga kerja mahir adalah antara faktor yang menghalang eksport bernilai tinggi.

Modal Insan

Modal insan merangkumi pengetahuan, bakat, kemahiran, kebolehan, pengalaman, kepintaran, latihan, penilaian dan kebijaksanaan secara individu dan kolektif rakyat, merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun pelaburan besar telah dibuat dalam pendidikan dan latihan kemahiran, cabaran masih wujud, terutama isu berkaitan pendidikan berkualiti, penguasaan Bahasa Inggeris, bakat yang diperlukan industri, penghijrahan keluar bakat, kompetensi, kemahiran insaniah, ketidakpadanan kemahiran dan sering bertukar kerja.

Sistem pendidikan telah memberi sumbangan cemerlang ke arah negara berpendapatan sederhana tinggi. Namun, kajian menunjukkan bahawa pencapaian pelajar Malaysia dalam bidang sains dan matematik telah merosot. Sementara itu, majikan mempersoalkan mengenai kekurangan penguasaan Bahasa Inggeris dan keyakinan diri serta lemah dalam kemahiran insaniah seperti komunikasi, kreativiti, inovasi, kerja berpasukan dan kepimpinan dalam kalangan pekerja Malaysia.

Berikutan beberapa inisiatif oleh Kerajaan, kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat kepada 53.6% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, ia kekal rendah berbanding dengan negara serantau lain seperti Hong Kong (54.6%) dan Singapura (58.6%). Antara masalah yang dihadapi oleh wanita, termasuk waktu kerja tidak fleksibel, kurang peluang kembali bekerja dan peluang yang tidak mencukupi untuk kemajuan kerjaya ke jawatan strategik dan tertinggi dalam organisasi.

Kebimbangan lain ialah bilangan pekerja asing yang ramai dalam ekonomi dan kebergantungan tinggi industri kepada mereka. Terdapat dakwaan bahawa bilangan pekerja asing tidak mahir yang ramai mendorong majikan membayar upah yang lebih rendah dengan latihan minimum dan insentif yang sedikit telah mengakibatkan penurunan produktiviti keseluruhan. Selain itu, pengambilan pekerja asing yang mudah tidak menggalakkan industri untuk melabur dalam automasi dan menaik taraf peralatan sedia ada dan teknologi.

Akibatnya, faktor ini telah memberi kesan negatif kepada produktiviti buruh. Walaupun tahap produktiviti di Malaysia telah meningkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), tahap tersebut masih jauh ketinggalan berbanding negara berpendapatan tinggi. Laporan menunjukkan bahawa produktiviti buruh di Malaysia adalah 32% berbanding AS dan 56% berbanding Korea Selatan. Keupayaan Malaysia untuk meningkatkan produktiviti buruh bergantung kepada sejauh mana negara mampu memperoleh kecekapan yang lebih besar daripada sumber dalaman, terutamanya modal insan, inovasi dan kecekapan operasi.

Kesejahteraan Rakyat

Secara keseluruhan, semua program, projek dan inisiatif Kerajaan dirancang untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Rakyat hari ini menikmati perkhidmatan dan fasiliti awam yang lebih baik, termasuk penjagaan kesihatan, pengangkutan, pendidikan, serta keamanan dan keselamatan awam. Meskipun usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan fasiliti sedang dilaksanakan, rakyat terus menghadapi beberapa isu dan cabaran dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi tempoh 2011 hingga 2014, inflasi kekal sederhana pada kadar purata 2.5% setahun. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, inflasi berada pada 1.9% (Januari — Ogos 2014: 3.3%). Walaupun inflasi kekal rendah, kenaikan harga, terutama makanan dan minuman bukan alkohol, akan memberi kesan kepada kesejahteraan kumpulan berpendapatan rendah dan mudah terjejas.

Perumahan mampu milik adalah satu lagi kebimbangan utama rakyat. Harga rumah telah naik menjangkau luar kemampuan kebanyakan lapisan masyarakat. Harga hartanah kediaman, terutama di lokasi pilihan seperti Kuala Lumpur dan bandar utama di Johor dan Selangor meningkat 9.9% setahun sejak 2010. Terdapat beberapa faktor asas yang menyebabkan kenaikan harga. Ini termasuk kenaikan kos bahan binaan, ketidakpadanan permintaan dan penawaran, terutama bagi rumah kos rendah dan sederhana di kawasan bandar, aktiviti spekulasi serta pengurusan projek yang lemah menyebabkan projek tertangguh dan terbengkalai.

Penggunaan air di Malaysia adalah tinggi dan meningkat setiap tahun akibat pertumbuhan penduduk, urbanisasi dan pengembangan aktiviti ekonomi. Pada tahun 2013, sebanyak 95.1% daripada penduduk menerima bekalan air terawat dengan kebanyakan kawasan bandar mencatat liputan lebih 99%. Walau bagaimanapun, bagi Kelantan, Sabah dan Sarawak liputan bekalan kekal di bawah 80%, dengan Kelantan mencatatkan 63.4%. Liputan bekalan air yang rendah disebabkan faktor geografi seperti muka bumi yang mencabar dan kawasan pedalaman serta kecenderungan menggunakan sumber alternatif. Walaupun data menunjukkan liputan bekalan air adalah sangat baik di kawasan bandar, namun begitu, beberapa negeri pada tahun kebelakangan ini mengalami gangguan bekalan air, terutamanya pada waktu puncak.

Sistem pengangkutan awam bertaraf dunia adalah penting bagi membolehkan pergerakan efisien penduduk dan barangan dalam menuju negara maju berpendapatan tinggi. Walaupun pelbagai inisiatif Kerajaan untuk menambah baik pengangkutan awam, pengguna jalan raya masih menghadapi masalah kesesakan lalu lintas di bandar besar dan sederhana, kekurangan perhubungan dan tahap kepuasan orang ramai yang rendah terhadap perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada.

Keamanan dan keselamatan awam adalah penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Pelbagai program pencegahan jenayah telah dilaksanakan bagi mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Hasilnya, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar jenayah lebih 40% dalam lima tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, Indeks Persepsi Keselamatan menunjukkan persepsi rakyat berasa selamat kekal rendah, iaitu pada 39%. Tambahan pula, jenayah semakin kompleks dan canggih dengan kemunculan cabaran baharu, terutama melalui media sosial.

Insiden kemiskinan telah berkurangan kepada 0.6% pada tahun 2014 (2012: 1.7%) dengan Sabah mencatatkan penurunan ketara kepada 4% (2012: 8.1%). Walau bagaimanapun, Pahang, Perak, Sarawak, Kelantan, Labuan dan Sabah, mencatat kadar kemiskinan melebihi paras nasional. Tambahan pula, di sebalik penurunan insiden kemiskinan dari 1% pada tahun 2012 kepada 0.3% pada tahun 2014 di kawasan bandar, kira-kira 63% daripada 2.7 juta isi rumah B40⁵ tinggal di kawasan ini. Kumpulan B40 bergantung kepada bantuan kerajaan adalah paling mudah terjejas kepada sebarang kejutan ekonomi. Selain itu, 26.3% daripada rakyat Malaysia atau 7.9 juta orang tinggal di kawasan luar bandar di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak, dengan tahap akses kepada kawasan peri-bandar, infrastruktur, kemudahan sosial dan peluang ekonomi yang pelbagai. Keadaan ini menunjukkan kepentingan untuk menggalakkan keterangkuman dan pembangunan seimbang dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Inisiatif Strategik – Bajet 2016

Faktor luaran dan dalaman memberi cabaran yang besar ketika negara berusaha untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Untuk mengatasi cabaran ini, terdapat keperluan untuk memperkukuh daya tahan domestik bagi membolehkan negara mengambil manfaat pemulihan apabila ekonomi global bertambah baik. Dalam hal ini, Bajet 2016 akan memberi tumpuan kepada pengukuhan daya tahan ekonomi, memastikan keterangkuman, memperkasa modal insan, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau serta menjamin kesejahteraan rakyat. Program dan peruntukan pada tahun 2016, akan berpandukan kepada ekonomi keperluan rakyat manakala konsep dan pelaksanaan program akan memberi tumpuan kepada nilai inovasi, iaitu pelaksanaan program secara pantas, berkos rendah dan berimpak tinggi.

⁵ Isi rumah B40 merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah sehingga RM3,855 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

Sisipan 3

Program eRezeki

Latar Belakang

Objektif utama Program eRezeki adalah untuk mempercepat penyertaan B40 dalam ekonomi digital, dengan membolehkan mereka untuk mendapatkan pendapatan tambahan melalui cara digital, terutamanya peluang yang ditawarkan oleh model *crowdsourcing*. Melalui program ini, peserta B40 akan diprofil, dilatih dan dinilai keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas digital mikro di pasaran tempatan dan antarabangsa. Walaupun tugas mikro yang mudah, seperti kesederhanaan foto dan kategori imej, secara umumnya sesuai untuk kumpulan B40, nilai dan kepakaran yang lebih tinggi boleh diperkenalkan kepada mereka yang mempunyai kelayakan tinggi, termasuk pekerja yang tidak mengguna pakai kemahiran sebenar dan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Peserta

Peserta akan dipilih daripada kumpulan isi rumah B40. Memandangkan program ini berkaitan penggunaan teknologi digital dengan cara yang produktif, kumpulan sasar B40 dibahagikan seperti berikut:

- Celik *IT* dan mempunyai kemahiran
Contoh seperti siswazah menganggur, pekerja yang tidak mengguna pakai kemahiran sebenar, ibu bapa tunggal dan pesara.
- Celik *IT* dan kurang mahir
Contoh seperti pekerja kolar biru, pekerja kilang, suri rumah dan orang kurang upaya.
- Buta *IT* dan kurang mahir
Contoh seperti buruh, petani tradisional dan nelayan.

Aktiviti Utama

Aktiviti utama di bawah program eRezeki adalah seperti berikut:

- eRezeki *Outreach*: program jangkauan yang disasarkan melalui rakan saluran seperti pemimpin masyarakat, persatuan, universiti dan kolej (contoh: UiTM, UTM, Kolej Komuniti), yayasan, dan kerajaan negeri;
- Digital *Worker Recruitment*: Proses untuk melatih, menilai dan melayakkan B40 untuk menjadi pekerja digital dan sedang dijalankan terutamanya di Pusat eRezeki; dan
- Digital *Worker On-boarding: Internship* dan tempoh eksperimen di mana pekerja B40 berkelayakan yang memerlukan bimbingan akan dipantau dalam tempoh masa yang tertentu sehingga mereka terus mampu melakukan dan menyampaikan kualiti kerja yang baik.

Pusat eRezeki sedang diwujudkan di lokasi yang strategik iaitu Alor Setar, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur bagi menangani cabaran teknologi yang dihadapi oleh B40 ini. Pusat ini berfungsi sebagai pusat sehenti yang boleh diakses oleh B40 bagi menjalankan aktiviti utama seperti di atas. Program eRezeki dijangka melatih 35,000 peserta B40 pada tahun 2018.

	2016	2017	2018
Bilangan peserta baharu B40 terlatih dan berkelayakan	16,000	20,000	35,000
Bilangan B40 meningkat pendapatan	20,000	40,000	80,000
Tambahan pendapatan (RM)	33 juta	80 juta	230 juta
Anggaran bajet (RM)	11.5 juta	10.7 juta	13 juta

Bajet ini akan digunakan terutamanya untuk program jangkauan, profiling, latihan, penilaian dan kelayakan B40 sebagai pekerja digital di seluruh negara. Sebahagian daripada bajet akan digunakan untuk aktiviti pemasaran dan pencarian sumber permintaan projek digital yang bersesuaian dari luar negara.

Pencapaian (sehingga 30 September 2015)

Tarikh pelancaran	17 Jun 2015
Bilangan B40 peserta yang berdaftar	18,000 peserta
Bilangan pusat eRezeki	5 buah
Bilangan B40 meningkat pendapatan	9,500 peserta
Nilai terkumpul pendapatan	RM7.5 juta

Memperkukuh Daya Tahan Ekonomi

Mengambil kira persekitaran luaran yang lemah, Kerajaan akan melaksanakan dasar bagi mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi domestik. Sehubungan ini, inisiatif akan diambil untuk meningkatkan penggunaan melalui peningkatan pendapatan boleh guna dengan mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan menangani peningkatan kos sara hidup. Dari aspek pelaburan, inisiatif akan diambil untuk meningkatkan keyakinan pelabur melalui penyediaan persekitaran yang kondusif agar pelaburan terus berkembang. Usaha menarik FDI akan terus dipergiat dengan menyasarkan industri bernilai tambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Dari aspek pelaburan domestik pula, PKS akan dibimbing dan digalakkan untuk melabur dalam teknologi, mengoptimum peluang untuk bergerak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi dan mengambil bahagian secara aktif dalam rantai penawaran global. Kerajaan akan terus memperuntukkan dana untuk projek pelaburan awam secara berhemat seperti yang diperuntukkan di bawah RMKe-11.

Bagi mengekalkan peranan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan, Kerajaan akan mempercepat pelaksanaan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan serta Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan. Dalam sektor perkhidmatan, lebih banyak penekanan akan diberi kepada pembangunan industri berintensiti pengetahuan tinggi dan mempunyai jaringan meluas dengan keseluruhan ekonomi serta industri yang menjana pekerjaan berpendapatan tinggi. Di samping itu, sektor pembuatan akan beralih kepada sektor yang menggunakan automasi secara meluas dan tenaga kerja mahir. Daya saing produk dan perkhidmatan Malaysia akan terus ditingkatkan melalui usaha gigih bagi membina jenama bertaraf global untuk menembusi pasaran eksport. Selain itu, inisiatif yang dipersetujui oleh Majlis Eksport Negara (NEC) akan dipercepat untuk memanfaatkan persekitaran luaran yang semakin baik. Inisiatif proaktif ini akan menempatkan syarikat Malaysia untuk memperoleh faedah optimum daripada perjanjian perdagangan yang membuka pasaran baharu kepada perniagaan domestik.

Pembangunan lima wilayah koridor ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah akan terus dipergiat bagi mentransformasikan koridor ini menjadi kawasan pelaburan strategik. Kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur serta meningkatkan bakat dan kemahiran rakyat untuk memenuhi peningkatan permintaan daripada wilayah koridor ekonomi.

Memasti Keterangan

Dalam usaha untuk menggalakkan keterangan dan pembangunan seimbang, Kerajaan akan meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat, termasuk di Sabah dan Sarawak. Bagi meningkatkan pergerakan rakyat dan barangan, Kerajaan akan membina Lebuhraya Pan-Borneo

meliputi 1,090-km di Sarawak dan 706-km di Sabah. Kerajaan akan berusaha meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah B40 dan M40⁶ dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menggalakkan keusahawanan. Tambahan pula, sokongan pendapatan diteruskan melalui jaringan keselamatan sosial. Begitu juga, program keusahawanan akan diperkukuh di kawasan luar bandar. Selain itu, Kerajaan akan terus memperluas penyediaan utiliti seperti air dan elektrik ke kawasan luar bandar serta membina lebih banyak jalan kampung untuk meningkatkan perhubungan dan mobiliti. Kerajaan juga memberi penekanan dan mengukuhkan program berasaskan keperluan terutama untuk belia, wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU. Agenda Bumiputera akan terus dipertingkatkan untuk mengukuhkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi melalui beberapa inisiatif termasuk memperkasa modal insan, meningkatkan pemilikan ekuiti korporat dan kekayaan serta keberkesanan program berteraskan Bumiputera.

Memperkasa Modal Insan

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan modal insan bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian. Bagi tujuan ini, sistem pendidikan akan terus ditambah baik dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris untuk meletakkan pelajar Malaysia setaraf dengan pelajar antarabangsa. Tambahan pula, bagi memenuhi keperluan industri, usaha akan dipergiat untuk memperkukuh kualiti dan kuantiti graduan TVET dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Beberapa inisiatif akan diperkenal untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS). Sementara itu, Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) akan ditambah bagi memudahkan latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja.

Meningkat Produktiviti, Inovasi dan Teknologi Hijau

Kerajaan komited untuk meningkatkan produktiviti melalui penambahan pengetahuan, serta penggunaan inovasi dan teknologi. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus menggalakkan program latihan semula dan peningkatan kemahiran untuk menambah produktiviti buruh. Sementara itu, untuk membantu perniagaan, terutamanya PKS, Kerajaan akan terus membiayai Skim Jaminan Modal Kerja, Dana Strategik Pelaburan Domestik dan Dana Projek Berimpak Tinggi. Kerajaan juga komited untuk melindungi alam sekitar. Bagi tujuan ini, Kerajaan menyasarkan pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau kepada 40% daripada KDNK menjelang 2020. Inisiatif lain termasuk pemuliharaan sumber asli, meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam, mempromosi tenaga boleh diperbaharui dan menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga.

⁶ Isi rumah M40 merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan dalam julat RM3,860 dan RM8,319 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

Menjamin Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan akan terus melaksanakan pendekatan holistik untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Bagi memenuhi keperluan rumah kepada rakyat, Kerajaan akan menyediakan fasiliti pembiayaan secukupnya kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana serta meluaskan program perumahan sewa beli kepada kumpulan berpendapatan rendah. Di samping itu, sektor swasta akan digalakkan untuk berperanan lebih besar dalam pembinaan dan penyelenggaraan rumah mampu milik. Bajet 2016 juga akan menambah baik akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan membina dan menaik taraf lebih banyak klinik kesihatan dan Klinik 1Malaysia. Sementara itu, bagi memudahkan pergerakan rakyat dan barangan, Kerajaan akan terus membangunkan sistem pengangkutan awam dengan mengukuhkan perhubungan antara mod pengangkutan awam dan kawasan serta meningkatkan kekerapan dan ketepatan masa perkhidmatan.

Bagi memastikan keamanan dan keselamatan rakyat terjamin, Kerajaan akan meningkatkan usaha membanteras jenayah. Kehadiran polis akan ditingkatkan melalui penempatan semula lebih ramai anggota polis serta meningkatkan kapasiti dan keupayaan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Di samping itu, untuk menggalakkan kesedaran jenayah dalam masyarakat, pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan NGO akan diguna pakai. Pada masa yang sama, untuk mengukuhkan kawalan sempadan, Kerajaan akan terus menaik taraf aset keselamatan serta meningkatkan keberkesanan program berkaitan ATM dan APMM.

Prospek 2016

Ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada tahun 2016 dengan mencatat pertumbuhan KDNK benar antara 4% – 5%, diterajui oleh permintaan domestik. Perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan penggunaan swasta dijangka berkembang 6.4%, manakala pelaburan swasta sebanyak 6.7%. Sementara itu, perbelanjaan Kerajaan diunjur berkembang walaupun pada kadar sederhana, sejajar dengan usaha untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. Dari segi penawaran, pertumbuhan ekonomi dijangka lebih menyeluruh, dengan semua sektor mencatat pertumbuhan positif. Kedudukan luaran Malaysia pula, dijangka kekal positif disokong dengan jangkaan prestasi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang lebih baik.

Berdasarkan situasi ini, GNI nominal per kapita dijangka meningkat 5.6% daripada RM36,397 pada tahun 2015 kepada RM38,438 pada tahun 2016. Dengan jumlah pelaburan melebihi simpanan, jurang tabungan pelaburan dijangka mengecil antara 0.5% – 1.5% daripada GNI.

Ekonomi akan terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kekal di bawah 4%. Walaupun nilai ringgit menyusut, inflasi dijangka kekal rendah disumbang oleh harga minyak mentah yang rendah dan kesan GST yang mereda. Pada tahun 2016, inflasi diunjur berada dalam lingkungan 2% – 3%. Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan konsolidasi fiskal. Defisit fiskal pula dijangka terus berkurang kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016 (2015: 3.2%) manakala tahap hutang Kerajaan Persekutuan dijangka kekal terkawal dalam had berhemat 55% daripada KDNK.

